

## FOKUS I

**Kesan Banjir Terhadap Wanita dan Kanak-Kanak****Maznah Hj. Ibrahim**

Untuk beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia telah mengalami isu banjir besar yang agak mencabar. Jika dilihat secara logik, kekerapan hujan di Malaysia bukanlah satu isu alam yang luarbiasa kerana Malaysia memang terletak di zon khatulistiwa. Justru itu, sudah dimaklumi bahawa pada setiap musim monsun, angin monsun timur laut akan membawa hujan yang lebat ke negeri-negeri terutama di Pantai Timur Malaysia serta juga ke Sabah dan Sarawak. Angin monsun ini membawa hujan yang lebat untuk beberapa hari secara berterusan lantas membawa kepada banjir besar seperti yang pernah berlaku pada tahun 1967 dan 1971 (Ishak dan Mohamed Dali 2014). Pada ketika itu, antara alasan yang sering diutarakan tentang kejadian banjir besar berlaku adalah kerana 'kelemahan infrastruktur yang menyebabkan saliran yang ada tidak mampu menampung hujan dalam kuantiti yang banyak.' 'Kurangnya pembangunan' dijadikan alasan utama kepada banjir berlaku pada tahun 1967 dan 1971 tapi untuk banjir 2014 baru-baru ini – hampir kesemua lapisan masyarakat menyalahkan pembangunan yang tidak seimbang sebagai sebab utama banjir besar ini berlaku.



Gambar 1: Pahang dan Kelantan adalah antara negeri Pantai Timur yang paling teruk dilanda banjir ketika musim monsun 2014.

**Kesan Banjir: Kerosakan Lansung dan Kerosakan Tak Lansung**

Seperti yang diketahui umum bahawa bencana banjir membawa pelbagai kesan negatif kepada alam sekitar, harta benda, nyawa dan sebagainya. Impak daripada banjir merangkumi pelbagai aspek seperti isu pencemaran, hakisan, kerosakan pada struktur bangunan, kerosakan harta benda, kerosakan sistem saliran dan pelbagai kerentenan aktiviti ekonomi. Malah menurut kajian Marvin (1969), terdapat pelbagai kesan - kesan bahaya akibat banjir sebagai contoh kerosakan struktur dan hakisan, kehilangan harta benda dan nyawa, pencemaran makanan dan air, gangguan aktiviti sosio-ekonomi termasuk pengangkutan dan komunikasi dan kerosakan yang merugikan pada tanah pertanian.

*United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific atau ESCAP mengklasifikasikan jenis kerosakan banjir kepada tiga kategori iaitu kerosakan langsung (direct damages), kerosakan tidak langsung (indirect damages) dan kerosakan tidak ketara (intangible damages). Manakala Marvin (1969) pula mengatakan bahawa kerosakan banjir boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu kerosakan ketara (tangible damages) dan kerosakan tidak ketara (intangible damages). Bagi*

*...bersambung ke muka 3*

## KANDUNGAN

<b>1</b>	Fokus I	<b>16</b>	Pengalaman
<b>2</b>	Kata Pengarang	<b>19</b>	Dapur
<b>5</b>	Fokus II	<b>20</b>	Kesihatan
<b>6</b>	Hidayah	<b>21</b>	Berita
<b>10</b>	Dari Doktor Pakar		
<b>12</b>	Kembara		



*Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum wrbt.*

Ahli SUKMANITA yang dihormati,

Syukur ke Hadhrat Allah SWT kita dapat bertemu kembali dalam keluaran kali ini iaitu SUARANITA Bil 70. Bencana banjir yang berlaku pada akhir tahun 2014 yang lalu dan menjangkau ke tahun 2015 merupakan satu ujian besar bukan sahaja kepada mangsa-mangsa banjir tetapi juga dirasai oleh seluruh warga Malaysia. Banjir yang dahsyat itu melibatkan banyak negeri termasuk Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah, Perak dan Perlis. Banyak kesan bahaya yang diakibatkan oleh banjir meliputi kerosakan struktur dan hakisan, kehilangan harta benda dan nyawa, pencemaran makanan dan air, gangguan aktiviti sosio-ekonomi termasuk pengangkutan dan komunikasi serta kerosakan pada tanah pertanian. Bukan hanya setakat masalah ketika banjir tetapi juga aktiviti-aktiviti yang harus dipikul selepas surutnya banjir. Kerja-kerja pasca banjir ini meliputi banyak perkara termasuk urusan pembersihan dan memungut sampah sarap yang ada, mencari penempatan sementara kepada mangsa-mangsa banjir. Wang yang banyak diperlukan untuk memenuhi keperluan rumah kepada rakyat yang ditimpa musibah kemusnahan keseluruhan rumah akibat banjir dan persiapan terhadap persekolahan anak-anak bagi sesi persekolahan berikutnya.

Tidak dinafikan semasa berlaku banjir masyarakat sangat prihatin terhadap mangsa banjir. Maka kita dapat ramai orang menderma berbagai jenis barang terutama pakaian dan makanan. Disetengah setengah tempat makanan dalam tin dan bahan-bahan kering begitu banyak dan berlebihan dan ada yang sudah melewati tarikh luput. Pakaian pula ada yang koyak dan tidak

sesuai untuk dipakai. Dalam masa yang sama mangsa banjir terutama wanita sangat-sangat memerlukan pakaian dalam seperti tuala wanita dan pakaian dalam yang lain yang kebanyakan penderma tidak terfikir akan kepentingan barang tersebut.

Memandangkan betapa bencana banjir ini telah memberi kesan yang mendalam samada kesan fizikal atau kesan emosi kepada masyarakat kita, maka tema SUARANITA Bil. 70 kali ini adalah berkenaan Banjir dan Masyarakat. Beberapa rencana banjir yang berkaitan wanita dan banjir, musibah banjir dan kesan terhadap emosi dan psikologi, banjir dan alam sekitar, pengalaman dan penglibatan mahasiswa dalam membantu mangsa banjir dan rencana-rencana lain ada dipaparkan dalam keluaran ini. Doktor pakar kali ini telah memperkenalkan tentang kesihatan primer yang juga melibatkan promosi kesihatan dan pencegahan penyakit di peringkat komuniti dengan tujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan dengan mewujudkan kesedaran tentang kepentingan kesihatan di kalangan masyarakat setempat. Jika kesihatan primer mencapai objektif tugasannya mereka, ia secara tidak langsung mengurangkan beban perubatan di hospital dan rawatan pakar di peringkat sekunder dan tertier yang mampu menelan lebih banyak belanja.

Sekian. Selamat Membaca.

Prof Madya Hasnah Ali  
[hasnah\\_ali03@yahoo.co.uk](mailto:hasnah_ali03@yahoo.co.uk)

### SIDANG REDAKSI

#### PENASIHAT

Datin Zarina Mahmud

#### EDITOR

Prof Madya Hasnah Ali

Prof Madya Datin Noraziah Ali

#### JAWATANKUASA KERJA

Prof Madya Hasnah Ali (Pengerusi)

Siti Wahida Amanullah (Setiausaha)

Prof Datin Noor Aziah Mohd. Awal

Prof Madya Datin Noraziah Ali

Prof Madya Dr. Fariza Mohd Sham

Prof Madya Dr. Salasiah Hanin Hamjah

Rohaya Umar

Maznah Ibrahim

Kalthum Ibrahim

#### GRAFIK

Muhammad Farid Zainal Azman

#### TERBITAN/EDARAN

Biro Penerbitan & Publisiti

SUKMANITA

#### PERCETAKAN

UKM Cetak

...bersambung dari muka 1

kerosakan ketara pula boleh dibahagikan kepada kerosakan langsung dan kerosakan tidak langsung. Ini menunjukkan bahawa tanpa persediaan yang rapi dan menyeluruh untuk menghadapi banjir, banjir boleh membawa kesan yang menggugatkan seluruh sistem masyarakat dan negara itu sendiri.



Gambarajah 1: Jenis Kerosakan Akibat Banjir  
(Marvin,1969)

### Golongan Paling Berisiko Tinggi: Wanita dan Kanak-kanak

Kajian mengenai banjir menunjukkan bahawa golongan wanita dan kanak-kanak adalah golongan paling berisiko dalam menghadapi banjir. Sebagai contoh, satu kes banjir yang pernah berlaku di Vietnam menunjukkan bahawa kanak-kanak adalah peratus mangsa banjir paling terbesar. Ini adalah kerana anak-anak kecil mudah terpisah daripada ibubapa mereka semasa krisis banjir dan mereka mudah dihanyutkan dalam keadaan kelamkabut semasa banjir. Semasa bencana banjir tahun 2002 di Vietnam, ramai kanak-kanak terkorban bukan kerana tenggelam dalam banjir tetapi mereka terperangkap dan meninggal dunia di rumah masing-masing atau ketika sedang dalam perjalanan ke sekolah (Mekong River Commision, 2009). Sehubungan dengan itu, kerajaan Vietnam mula mengadakan pelbagai latihan keselamatan banjir termasuk aktiviti berenang. Mereka telah mula memasukkan aktiviti-aktiviti ini sebagai latihan pengajaran untuk kanak-kanak ke dalam kurikulum sekolah mereka.



Gambar 2: Wanita dan kanak-kanak paling terkesan dengan musibah banjir

### Risiko Banjir kepada Kanak-kanak

Tinjauan literatur mengenai pengurusan risiko banjir di Vietnam (Mekong River Commision, 2009) juga ada merekodkan bahawa dengan segala usaha proaktif dilakukan, tahap kemalangan golongan kanak-kanak masih meningkat di Delta Mekong setiap tahun. Walaupun sudah terdapat pelbagai usaha seperti memberi kelas berenang, pengagihan jaket keselamatan dan kempen meningkatkan kesedaran di kalangan kanak-kanak, kemalangan jiwa akibat bencana banjir di kalangan kanak-kanak tetap berlaku. Keadaan ini terus berlaku disebabkan perkara yang berkaitan dengan tabiat semulajadi kanak-kanak iaitu mereka sentiasa menjadi 'adventurous' dan kadang-kadang terlalu 'hyperaktif' sehingga mereka terlupa dengan keadaan merbahaya kepada diri mereka sendiri. Namun, itu ini tidak terlalu susah untuk difahami terutama rakyat Malaysia ketika ini. Kita masih belum lupa dengan kejadian sedih yang melibatkan tujuh pelajar anak Orang Asli yang hilang di Pos Tohoi, Gua Musang, Kelantan baru-baru ini. Anak-anak ini masih lagi kecil dan terlalu mentah untuk menjadi 'terlalu peka' dengan aspek keselamatan diri mereka sendiri.



Gambar 3: Kanak-kanak seringkali kurang peka dengan keselamatan mereka sendiri

...bersambung ke muka 4

Golongan kanak-kanak juga paling cepat terdedah kepada kesan-kesan perubahan dan bencana iklim. Mereka akan mendapat kesan serta-merta kerana sistem imunisasi mereka masih belum mantap malah tempuh untuk sihat bagi mereka menjadi lebih panjang. Keadaan ini menjadi lebih tergugat jika golongan kanak-kanak ini tergolong kepada golongan terpinggir atau golongan miskin. Keadaan ini jelas berlaku ketika dalam bencana Tsunami Lautan Hindi pada tahun 2004 di mana kadar kematian tinggi adalah terdiri daripada golongan kanak-kanak di bawah umur lima belas tahun. Dianggarkan bahawa dengan perubahan iklim yang melampau akan meningkatkan bilangan kanak-kanak yang terjejas oleh bencana banjir, iaitu dari 66.5 juta pada tahun 1990an berkali ganda kepada 175 juta pada tahun 2000 keatas (Cameron dan Tanner, 2009).

### Risiko Banjir terhadap Wanita

Menurut Walker (1994), wanita akan terjejas oleh bencana banjir dari pelbagai segi. Sebagai contoh, bukan sahaja dalam peranan reproduktif wanita akan terkesan tetapi begitu juga dengan peranan mereka sebagai penjaga ekonomi dan penyelia keluarga mereka. Golongan wanita akan kehilangan kapasiti pendapatan semasa bencana banjir dan mereka bimbang mungkin berlaku pengangguran dan kekurangan pendapatan dalam keluarga mereka. Golongan wanita, terutama para isteri akan mempunyai masalah dalam pengurusan rumah tangga mereka jika tanpa sokongan mantap dari golongan lelaki.



Gambar 4: Golongan wanita akan terjejas dalam pelbagai segi ketika banjir

Wanita tidak boleh lari dari perasaan takut dan stres semasa bencana banjir. Mereka mempunyai perasaan bimbang dan tidak dapat menumpukan perhatian kepada sebarang kerja lain kerana risaukan keselamatan ahli keluarga mereka. Wanita ini akhirnya akan mengalami masalah kesihatan disebabkan oleh ketegangan dan masalah psikologi. Kesan-kesan stres ini boleh juga mengakibatkan gangguan kitaran atau masalah haid. Dalam suasana tidak selesa di kawasan

penempatan banjir yang kebanyakannya tidak mempunyai bilik mandi dan tandas yang teratur, mereka sentiasa berasa tidak selesa kerana mereka tidak mandi selama beberapa hari.

Dalam pada itu, isu keselamatan di kem penempatan adalah isu sosial besar ketika banjir. Wanita dan kanak-kanak kecil juga terdedah terhadap bahan gangguan orang yang tidak dikenali terutama pada waktu malam. Wanita sering menggesa agar dapat tinggal bersama ahli keluarga sendiri di bawah satu bumbung tapi mungkin ini agak sukar untuk dilaksanakan.

### Kesimpulan

Bila berlaku apa-apa musibah seperti musibah banjir, golongan wanita dan kanak-kanak akan terpikul dengan segala cabang permasalahan. Golongan wanita dan kanak-kanak mempunyai isu permasalahan yang lebih rumit dan sensitif berbeza dengan golongan lelaki. Justru itu, pengurusan risiko berkaitan masalah banjir perlu lebih peka dan sensitif agar segala sudut permasalahan berkaitan dengan wanita dan kanak-kanak dilihat dan ditangani dengan lebih berhemah.

### Rujukan

Back, Emma; Cameron, Catherine and Tanner, Thomas. 2009. Children and Disaster Risk Reduction. Taking Stock and Moving Forward. **Research Report: Children in A Changing Climate Research**. UNICEF.

[http://www.preventionweb.net/files/12085\\_ChildLedDRRTakingStock1.pdf](http://www.preventionweb.net/files/12085_ChildLedDRRTakingStock1.pdf). Retrieved 26 October, 2015.

Ishak, Noor Syamimi and Mohamed Dali, Azharuddin. 2014. Banjir Besar 1926 di Semenanjung Malaysia. In 23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA2014). 23-27 August 2014, Alor Star, Kedah, Malaysia. Official URL: <http://www.iah2014.uum.edu.my/>. Retrieved 26 October 2015.

Marvin, Dougal. 1969. **Flood Plain Management – Iowa Experience**. Iowa University press Limited.

Mekong River Commision. 2009. Annual Mekong Flood Report 2008. [www.mrcmekong.org/assests/reports](http://www.mrcmekong.org/assests/reports). Retrieved 26 October 2015


Walker, Bridget (ed). 1994. **Women and Emergencies**. Oxford: Oxfam

Puan Maznah Ibrahim  
Pusat Citra Universiti  
[maznah@ukm.edu.my](mailto:maznah@ukm.edu.my)

## Banjir dan Alam Sekitar :

# "Kalau Takut dilambung Ombak, Jangan Berumah di Tepi Pantai"

Mashitoh Yaacob



**A**ir sangat penting dalam kehidupan khasnya untuk minuman, masakan, membersihkan malah untuk menjalankan sesebuah industri. Namun begitu, air tidak sentiasanya menjadi pelestari kehidupan. Banjir boleh menyebabkan penderitaan yang perit terutama di kawasan yang padat penduduk.

### Waspada terhadap Banjir

Terdapat beberapa tempat di dunia yang penduduknya perlu berwaspada terhadap banjir. Malaysia ialah antara salah satu tempat tersebut. Di Malaysia, banjir berlaku apabila air melimpah iaitu apabila badan air seperti sungai melimpah keluar dari tebingnya dalam isipadu yang banyak dan melebihi keupayaan tanah untuk menyerap air tersebut. Hujan yang lebat dan empangan yang pecah juga boleh menyebabkan badan air seperti sungai melimpahkan air ke kawasan daratan yang hampir dengannya. Banjir di kawasan pinggir pantai pula biasanya berlaku apabila terjadinya ribut petir atau tsunami yang akan menyebabkan air laut melimpah ke darat.

Kebanyakan banjir mengambil masa berjam-jam atau berhari-hari untuk terjadi dan membolehkan penduduk melakukan persediaan atau perpindahan. Namun begitu, banjir kilat berlaku dengan cepat dan tanpa amaran serta sangat bahaya kerana arus banjir kilat yang kuat boleh menghanyutkan semua benda di sepanjang laluannya. Jambatan, rumah, pokok, kereta dan objek-objek lain boleh dengan mudah dibawa arus deras banjir kilat. Arus deras ini mempunyai tenaga menghakis yang kuat dan boleh menarik keluar tanah di bahagian bawah bangunan dan menyebabkan bangunan pecah dan tumbang. Dengan hanya kedalaman dua kaki arus banjir kilat boleh menghanyutkan sebuah kereta.

Selepas 10 tahun tsunami belalu dan banjir besar pada tahun 2008, banjir musim tengkujuh di Malaysia yang

berlaku pada Disember 2014 hingga Januari 2015 adalah yang terburuk selepas 30 tahun pernah dialami di lima negeri di bahagian utara Semenanjung Malaysia dan di negeri Sabah dan Sarawak. Lebih daripada 100,000 orang terpaksa dipindahkan daripada kediaman mereka dalam keadaan aras air banjir yang amat tinggi, hujan lebat dan cuaca buruk. Keadaan ini menyebabkan kerja-kerja perpindahan penduduk dan penghantaran makanan menjadi amat sukar. Banjir ini berpunca daripada hujan yang direkodkan paling lebat pernah dialami di kawasan ini sejak tahun 1971.

### Jenis Banjir

Selain daripada banjir sungai dan banjir pantai, terdapat jenis banjir yang dikategorikan berdasarkan tempoh kecenderungannya untuk berlaku seperti banjir 100 tahun yang amat besar dan sangat memusnahkan. Namun begitu, dengan pengubahsuaian yang besar terhadap alam sekitar semula jadi pada beberapa dekad kebelakangan ini banjir 100 tahun ini semakin kerap berlaku di seluruh dunia. Banjir biasanya mendatangkan banyak kesan negatif.




### Aspek Negatif

Kerosakan kepada alam sekitar buatan manusia dan alam sekitar semula jadi amat terserlah selepas banjir surut berbanding semasa banjir berlaku. Kawasan yang dilanda banjir akan dipenuhi dengan tanah dan lumpur. Sumber air dan lanskap dicemari oleh bahan-bahan berbahaya seperti serpihan-serpihan objek tajam, racun makhluk perosak, minyak dan air kumbahan yang tidak dirawat. Objek-objek yang ditenggelamai air banjir semasa banjir berlaku akan mudah ditumbuhinya cendawan yang berbahaya. Penduduk pula akan kehilangan tempat tinggal, bekalan tenaga dan air bersih untuk minuman dan ini boleh membawa kepada merebaknya penyakit bawaan air seperti kepialu, hepatitis A dan taun. Badan

...bersambung ke muka 6

air seperti sungai akan mengalami pencemaran yang teruk, iaitu ditunjukkan oleh jumlah oksigen terlarut yang rendah, akibat daripada bahan organik dan kimia yang dibawa oleh air banjir dari kawasan pertanian, industri, komersil dan perumahan. Air yang tercemar ini akan mengancam rantaian makanan kerana akan diserap oleh tumbuhan (pengeluar) dan dimakan oleh haiwan dan manusia. Banjir juga menyebabkan lambakan sampah sarap sejurus selepas banjir surut dan menambah burukkan lagi masalah sampah-sarap yang sedia wujud.



## Aspek Positif

Namun begitu, terdapat aspek positif apabila berlakunya banjir iaitu banjir akan meninggalkan tanah yang subur kerana sarat atau kaya dengan baja bagi pertumbuhan pokok atau tanaman. Telah beribu tahun petani bergantung kepada banjir bermusim sebagai sumber air bagi menyuburkan tanah kawasan pertanian mereka. Hari ini, sumber air ke kawasan pertanian disalurkan oleh empangan yang menggunakan kuasa elektrik hidro. Banjir kilat juga penting bagi laluan air di kawasan tanah gersang atau gurun kerana banjir kilat bukan sahaja meninggalkan baja tetapi turut membersihkan aliran air daripada spesies haiwan perosak yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan banjir dan amat penting kepada sejarah hidup kebanyakan tumbuhan dan haiwan di sepanjang aliran air tersebut. Banjir kilat adalah komponen yang diperlukan oleh ekosistem akuatik di kawasan tanah gersang atau gurun. Namun begitu ia amat berbahaya kepada manusia. Oleh itu jika kita perlu berada di kawasan tanah gersang atau gurun, jangan berkhemah di kawasan lembah sungai tanah gersang atau gurun atau di kawasan yang ada sisipan bahan yang ditinggalkan oleh banjir kilat yang berlaku sebelum ini tetapi berkhemahlah di kawasan yang lebih tinggi. Di samping itu, perlulah sentiasa mengambil perhatian terhadap laporan cuaca di kawasan laluan air tanah gersang atau gurun sebelum berada di kawasan-kawasan tersebut.

"Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai." Kemusnahan yang teruk dan kematian yang dialami oleh manusia akibat banjir biasanya berpunca daripada keinginan manusia sendiri untuk tinggal di kawasan berdekatan dengan badan air seperti di lembangan sungai dan di sepanjang pantai atas pelbagai alasan. Ada yang kerana alasan aktiviti ekonomi dan ada yang atas alasan status sosial. Di samping itu, turut menambah burukkan masalah banjir ini ialah kecenderungan pemaju menjalankan aktiviti pembinaan khasnya pembinaan kawasan perumahan dan komersil di kawasan paya atau tanah lembap yang sepatutnya bertindak sebagai penampang semula jadi banjir. Rumah-rumah dan premis-premis komersil di kawasan ini tidak kurang menjadi rebutan pembeli yang kurang kesedaran dan keperihatinan alam sekitar – di mana ada permintaan di situ ada penawaran.

## Penutup

Banyak cara yang diambil oleh pihak berkuasa dan penduduk bagi mengelakkan banjir atau setidak-tidaknya mengurangkan kesan kemusnahan apabila banjir berlaku. Antara tindakan yang diambil ialah pendalaman badan air seperti parit dan sungai; membina penampang banjir atau empangan; membina saliran; dan menanam pokok. Menanam lebih banyak pokok dapat membantu mengurangkan banjir kerana pokok dapat memerangkap air hujan yang turun dan membantu menyedut air daripada tanah. Bagi mendapatkan kesan yang besar daripada usaha ini, tanaman pokok perlu dilakukan di taburan kawasan yang luas barulah tahap kesan kemusnahan yang dibawa oleh banjir dapat dikurangkan walaupun mungkin tidak dapat dielakkan.

Mashitoh Yaacob

Pusat Citra Universiti & Institut Islam Hadhari

[mash@ukm.edu.my](mailto:mash@ukm.edu.my)

## MUTIARA KATA

DIA datangkan petir dan kilat  
Kita menangis dan bertanya-tanya  
Ke mana hilangnya matahari  
Rupanya DIA hendak memberi kita pelangi....

Sampah dimerata-rata  
Hujan tak kunjung reda  
Sungai telah melimpah  
Banjir pun melanda.....



Hujan yang membasahi bumi  
Banjir melanda di sana sini  
Pandanglah dengan mata hati  
Untuk mencari ibrah dari llahi.....

## Musibah Banjir Daripada Perspektif Islam

Izzah Nur Aida Zur Raffar

Salasiah Hanin Hamjah (Prof. Madya Dr.)

**M**usibah banjir yang berlaku pada 12 Disember 2014 yang lalu adalah merupakan satu ujian besar bukan sahaja kepada mangsa-mangsa banjir tetapi juga dirasai oleh seluruh warga Malaysia. Banjir yang dahsyat itu melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah, Perak dan Perlis dengan anggaran lebih 100,000 orang penduduk dipindahkan (<http://www.utusan.com.my/berita/nahas-bencana/banjir>). Apa yang jelas, musibah ini memberi kesan yang besar bukan sahaja daripada aspek fizikal tetapi juga memberi impak spiritual kepada mangsa-mangsa banjir.

Menurut Marvin (1969) dalam bukunya bertajuk *Flood Plain Management*, menjelaskan terdapat banyak kesan bahaya akibat banjir meliputi kerosakan struktur dan hakisan, kehilangan harta benda dan nyawa, pencemaran makanan dan air, gangguan aktiviti sosio-ekonomi termasuk pengangkutan dan komunikasi serta kerosakan pada tanah pertanian. Manakala, jika dilihat daripada aspek spiritual mangsa banjir terdedah kepada tekanan, kemurungan, kesedihan dan trauma atas kemasuhan serta kerosakan kediaman selepas bencana banjir (<http://www.astroawani.com/agenda-awani>). Dalam konteks bencana banjir ini, aspek spiritual lebih memberi impak yang tinggi kepada mangsa jika dibandingkan dengan aspek fizikal kerana ia berkaitan rapat dengan motivasi dan kekuatan dalaman seseorang mangsa tersebut untuk menerima dan bangkit semula selepas kejadian tersebut.

Jika musibah banjir ini dilihat daripada perspektif Islam, kita akan menemui hikmah Allah yang Maha Mengetahui kerana setiap kejadian yang Allah berikan bukanlah bersifat sia-sia semata melainkan ia mempunyai sebab tertentu sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Justeru itu, perbincangan berkaitan musibah banjir ini jika diberi sentuhan daripada sudut pandang Islam, ia dapat mendatangkan manfaat kepada mangsa khususnya dan umat Islam umumnya. Antara hikmah di sebalik musibah banjir adalah ;

### 1. Ujian Allah untuk melihat kesabaran hamba-Nya

Banjir adalah antara bentuk ujian dan cubaan daripada Allah untuk mengetahui tahap kesabaran hambanya. Melalui musibah banjir ini, individu dan masyarakat yang terlibat adalah terdedah kepada tekanan emosi berupa cemas, takut, sedih dan sebagainya. Sehubungan itu, Allah telah menggesa hambanya untuk bersabar atas ujian yang diberikan sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah (2):155:

وَلَتَبْلُوكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْحَقْ وَالْجُوعِ وَنَصْرٌ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثُّمَرَاتِ وَيَسِّرُ الصَّابَرِينَ

Maksudnya:

*Dan sungguh akan Kami berikan cubaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.*

Musibah ini adalah untuk membuktikan siapakah yang penyabar serta tetap bertuhan Allah SWT dalam apa jua keadaan yang ditempuhinya. Jadi jelaslah bahawa orang yang sabar itu adalah yang tetap beriktikad bahawa diri mereka hamba dan milik Allah SWT walaupun ditimpah musibah yang amat berat. Justeru, mangsa yang terlibat dalam musibah banjir ini diharap bersabar dengan ujian Allah kerana tindakan tersebut bakal dikurniakan ganjaran pahala daripada Allah SWT. Dalam al-Quran dinyatakan anjuran bersabar terhadap ujian Allah kemudian ia disusuli dengan penghabaran berita gembira berupa ganjaran pahala kepada orang yang bersabar. Firman Allah dalam surah al-Zumar (39):10:

إِنَّمَا يُؤْفَى الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ

Maksudnya:

*Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira.*

### 2. Ujian tanda kasih sayang Allah untuk meninggikan darjat di sisi-Nya

Ujian juga dilihat sebagai tanda kasih sayang Allah untuk meninggikan darjat hamba di sisi-Nya. Hal ini disebabkan apabila seseorang diuji, mereka akan bersabar, redha, mengakui diri sebagai hamba Allah yang lemah dan mengharapkan pertolongan Allah semata-mata. Nilai mahmudah ini dapat meninggikan darjat seseorang di sisi Allah. Justeru, mangsa banjir seharusnya memandang musibah banjir dengan kesyukuran kerana ia adalah tanda kasih sayang dan keprihatinan Allah bahkan cara untuk meninggikan darjat hamba di sisi-Nya. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*"Sesungguhnya besarnya pahala yang diperolehi bergantung besarnya dugaan, dan Allah SWT apabila mencintai suatu kaum, maka Allah akan menguji mereka. Barang siapa yang redha, maka ia akan mendapatkan keredhaan-Nya dan barang siapa yang kesal terhadapnya, maka ia akan mendapatkan kemurkaan-Nya." - (HR. Ahmad dan al-Tirmidhi).*

### 3. Ujian adalah peringatan terhadap perbuatan dosa dan maksiat

Antara maksud ujian adalah *qisas* (pembalasan) ke atas dosa-dosa. Banjir yang berlaku jika ditelusuri dengan lebih mendalam, ia berkemungkinan berpunca daripada perbuatan maksiat yang dilakukan hamba kepada Allah s.w.t. Buktiya, al-Quran seperti dalam surah Hud ayat 32-49, Surah al-A'raf ayat 65-72, dan Surah Saba ayat 15-16 mengisahkan tentang peristiwa banjir yang pernah menelan korban jiwa kaum 'Ad, negeri Saba' dan kaum Nabi Nuh. Secara teologi, timbulnya banjir tersebut adalah disebabkan keengkaran umat manusia terhadap ajaran Tuhan yang telah disampaikan melalui perantara para nabi. Allah s.w.t. berfirman dalam surah al-Ankabut (29):40:

نَكَلُوا إِحْدَى بَنَتَيْهِ مِنْ أَرْسَلْنَا عَلَيْهِ حَاصِبَةً وَمِنْهُمْ مِنْ أَخْتَهُ الصَّيْحَةُ وَمِنْهُمْ مِنْ حَسَنَاتِهِ الْأَرْضُ وَمِنْهُمْ مِنْ أَفْرَقَا وَمِنْهُمْ كَانَ اللَّهُ لِنَظَلَمَهُمْ وَلَكُنْ كَلَّوْا أَنْشَطَتُمْ يَقْتَلُونَ

Maksudnya:

*Maka masing-masing Kami binasakan dengan sebab dosanya, iaitu di antaranya ada yang Kami hantarkan angin ribut menghujaninya dengan batu dan ada yang dibinasakan dengan letusan suara yang menggemparkan bumi dan ada yang Kami timbuskan dia di bumi dan ada pula yang Kami tenggelamkan di laut dan (ingatlah) Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, akan tetapi mereka lah yang menganiaya diri sendiri.*

Sehubungan itu, peristiwa banjir yang berlaku dapat dinsafi sebagai tanda amaran dan peringatan Allah s.w.t. kepada manusia untuk menjauhi maksiat seterusnya kembali bertaqwa kepada Allah s.w.t. Dengan kata lain, peringatan Allah s.w.t. tersebut hendaklah menjadi pengajaran bagi manusia bahawa akibat daripada kekufturan dan ketidakpatuhan kepada perintah Allah s.w.t., akan menjadi penyebab datangnya kemurkaan Allah s.w.t.

### 4. Bencana adalah antara tanda akhir zaman

Musibah banjir yang berlaku baru-baru ini adalah antara tanda akhir zaman. Rasulullah s.a.w. telah memberi amaran bahawa akan banyak berlaku kejadian banjir dan hujan lebat yang memusnahkan pada akhir zaman dengan sabdanya yang bermaksud:

*"Tidak akan terjadi kiamat sehingga langit menurunkan suatu hujan yang tidak dapat ditahan oleh rumah di pedesaan, tidak ada yang dapat bertahan darinya kecuali rumah yang terbuat dari pepohonan"*  
(Hadis Riwayat Ahmad)

Sehubungan itu, seluruh manusia harus mengambil cakna akan tanda-tanda kiamat melalui musibah banjir ini dengan memperbanyakkan amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Hari Kiamat dan kematian adalah sesuatu yang pasti berlaku malah setiap jiwa perlu bersedia menghadapinya.

### 5. Bencana sebagai medium perpaduan dan persaudaraan

Antara hikmah musibah banjir yang dapat kita lihat adalah dari aspek kesatuan dan persaudaraan. Hal ini dapat dilihat menerusi ribuan sukarelawan daripada pelbagai pertubuhan termasuk kerajaan, bukan kerajaan (NGO) mahupun persendirian turut sama turun padang bagi membantu lebih 200,000 mangsa banjir. Bantuan itu secara tidak langsung menunjukkan keprihatinan pelbagai pihak tanpa mengira fahaman, ideologi dan latar belakang untuk tampil bekerjasama membantu golongan yang memerlukan. Selain itu, pusat zakat juga bertindak sebagai organisasi yang mengumpul kutipan zakat di setiap negeri dan memberikan sumbangan terhadap golongan yang kurang berasib baik tersebut (<http://www.utusan.com.my/rencana>).

Justeru, inilah masa sesuai untuk kita sama-sama belajar dari setiap musibah dan bencana yang berlaku. Ia bukan hanya dirasai oleh mangsa yang terlibat bahkan semua masyarakat sekelilingnya ibarat '*berat sama dipikul ringan sama dijinjing*'. Kita perlu yakin bahawa takdir Allah ini mengandungi banyak hikmah dan kebaikan kerana masa inilah suburnya kasih sayang dan semaraknya semangat bantu membantu sesama saudara Islam. Hal ini sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Allah dalam surah al-Hujurat (49):10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَجُوا

Maksudnya:

*Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara.*

### Kesimpulan

Perbincangan ini jelas menunjukkan bahawa musibah banjir yang berlaku baru-baru ini merupakan ujian besar kepada umat Islam sehingga menyebabkan kemusnahan fizikal dan gangguan emosi. Sungguhpun begitu, di sebalik musibah tersebut, tersembunyi hikmah yang besar yang kesemuanya itu bertujuan untuk menguji kesabaran hamba-Nya sebagai tanda kasih sayang-Nya, mengingatkan manusia supaya menjauhi maksiat, musibah sebagai salah satu tanda akhir zaman dan di sebalik ujian, dapat mengeratkan persaudaraan sesama umat Islam melalui kerjasama dan sikap saling tolong menolong antara satu sama lain. Sebagai hamba Allah yang redha dengan segala ketentuan-Nya, yakinlah kita bahawa di sebalik ujian yang penuh kesedihan dan penyeksaan, sebenarnya ada kemanisan bagi hamba-Nya yang benar-benar beriman.

<http://www.sinarharian.com.my>



Izzah Nur Aida Zur Raffar  
Prof. Madya Dr Salasiah Hanin Hamjah  
Fakulti Pengajian Islam UKM  
[salhanin@ukm.edu.my](mailto:salhanin@ukm.edu.my)

## Hikmah di Sebalik Bencana dan Musibah

Fariza Md Sham (Prof.Madya Dr)

**S**epanjang tahun 2014-2015 terdapat pelbagai bencana alam dan musibah yang meragut ketenangan dan kedamaian rakyat Malaysia. Bermula dengan peristiwa kehilangan pesawat MH370 yang dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing. Tragedy MH17 ditembak jatuh dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur, terhempasnya pesawat AirAsia-Indonesia, banjir besar di Kelantan dan negeri-negeri di Pantai Timur dan gempa bumi di Gunung Kinabalu Sabah. Pelbagai kejadian ini benar-benar menyentap perasaan rakyat Malaysia khususnya mereka yang terlibat dan ahli keluarga serta sahabat handai rapat.

### Manusia sedang diuji

Dengan peristiwa ini sebenarnya manusia sedang diuji tentang keimanan, kesabaran dan keikhlasan. Ujian ini bukan sahaja kepada keluarga, rakan dan taulan tetapi seluruh manusia. Kepercayaan kepada konsep qada' dan qadar harus tersemat dihati dan dijiwa. Manusia harus menyedari bahawa mereka sedang diuji Allah s.w.t. Bukan sahaja kepada mereka yang terlibat, malah kita yang tidak terlibat secara langsung juga sedang diuji oleh Allah s.w.t. Adakah kita ini hati dan lidah boleh menahan dari berkata-kata yang mengaibkan atau sebaliknya.

### Keikhlasan hati dan Doa yang dimakbulkan

Dalam melalui saat-saat getir ini tiada senjata yang paling ampuh untuk merawat jiwa yang gelisah dan gusar selain daripada pergantungan kita kepada Allah s.w.t. Pergantungan dan pengharapan dimanifestasikan dalam bentuk doa, solat dan taqarrub kepada Allah s.w.t. Ternyata hikmah ini terserlah apabila seluruh rakyat Malaysia yang Muslim mengadakan solat hajat dan berdoa agar peristiwa sedih tidak berulang dan mereka yang terlibat diberi kekuatan untuk hadapi ujian besar seperti ini. Keutamaan berdoa ini disebut oleh Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah: 186 yang bermaksud:

*Apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku, maka (beritahu kepada mereka) sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka). Aku memperkenankan permohonan orang yang berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran.*

Doa yang bagaimanakah dimakbulkan oleh Allah s.w.t ? Iaitu doa yang dilafazkan dengan penuh keikhlasan, suci hati dan merendah diri sebagaimana firmanNya dalam surah al-A'raf: 55 yang bermaksud:

*Berdoalah kepada Tuhanmu dengan merendah diri dan (dengan suara perlahan). Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas.*

Seandainya, dalam kita berdoa dan bersolat hajat, tetapi dalam hati ada sekulmit dan sebesar zarah perasaan mengutuk dan menghina orang lain serta mengintingintai kelemahan dan kesilapan orang lain, maka sudah tentu doa, solatnya adalah sesuatu yang tidak sebenar-benarnya ikhlas dan hanya kepura-puraan semata-mata. Doa sebegini tentu tidak akan dimakbulkan oleh Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t. tentang keutamaan ikhlas, agar doa kita dimakbulkan dalam surah al-Nisa'146 yang bermaksud:

*Kecualiorang yang bertaubat (daripada sikap kemunafikan itu) dan memperbaiki amalan mereka (yang salah), dan mereka pula berpegang teguh kepada (agama) Allah, serta mengikhlaskan agama mereka kerana Allah, maka mereka yang demikian itu ditempatkan bersama-sama orang yang beriman (dalam syurga). Allah akan memberikan orang-orang beriman itu pahala yang amat besar.*

Ungkapan seorang penyair Arab yang bermaksud:

Jika batin dan lahir seseorang mukmin itu sama

Hidupnya mulia dunia akhirat menerima sanjungan dan puja

Kalau yang lahir dengan yang batin pula berbeza

Tiadalah sanjungan ,malah hidup payah penuh sengsara.

### Sabda Rasullullah

Sabda Rasulullah yang bermaksud:

*Sesungguhnya kebenaran itu membawa kepada kebijikan, dan kebijikan itu membawa kepada syurga. Dan sesungguhnya seseorang itu akan berkata benar hingga ia ditulis di sisi Allah sebagai orang yang benar. Sesungguhnya dusta itu membawa kepada kerosakan, dan kerosakan itu membawa kepada neraka. Dan sesungguhnya itu akan berkata dusta sehingga ia ditulis di sisi Allah sebagai pendusta.*

Sebagai manusia dan hamba Allah hendaklah menerima segala ujian hidup dengan penuh ketakwaan,kesabaran dan ketabahan. Allah s.w.t. itu Maha Penyayang, setiap kejadian pasti ada hikmah di sebaliknya. Kita sahaja kadang-kadang tidak dapat menyingkap hikmah di sebaliknya. Malah, ada sesetengah individu mengejek dan menyebarkan fitnah pula dari peristiwa yang berlaku. Marilah kita sama-sama mengambil iktibar dan menunjukkan rasa simpati dan empati kepada mereka yang terlibat. Ujian untuk diri kita sendiri, kita sendiri tidak menyedarinya. Malah, dalam keadaan senang dan aman ini sebenarnya, kita sedang diuji Allah s.w.t.

Prof.Madya Dr Fariza Md Sham  
Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam hadhari,UKM  
[farisham@ukm.edu.my](mailto:farisham@ukm.edu.my)

## Khidmat Kesihatan Primer di Malaysia

**Dr Aini Ayu Suriyadi**

Pernah beberapa kali saya bertanya kepada sahabat-sahabat terdekat tentang apa yang mereka tahu mengenai ‘perubatan keluarga dan kesihatan primer’? Jawapan pertama yang keluar daripada mereka adalah ‘adakah ia sejenis insurans?’

Memang ia sesuatu yang kelakar bagi saya, tetapi itu adalah realiti kefahaman majoriti masyarakat tentang perubatan keluarga dan kesihatan primer di negara ini.



Apabila perubatan keluarga dikaitkan dengan klinik kesihatan kerajaan, maka jawapan yang diberikan adalah lebih memberansangkan. Rawatan pesakit luar, rawatan kecemasan, rawatan sambungan penyakit kronik seperti kencing manis dan tekanan darah tinggi, lawatan ke rumah oleh jururawat selepas bersalin, pemeriksaan antenatal, pemeriksaan bayi baru lahir, vaksinasi, dan kaedah perancangan keluarga adalah antara jawapan yang diberikan oleh mereka yang pernah mendapat khidmat kesihatan primer di klinik-klinik kesihatan kerajaan. Antara yang lebih sinonim dengan masyarakat tentang perubatan keluarga adalah kesihatan ibu dan kanak-kanak. Walaupun ini tepat, ia hanyalah sebahagian kecil daripada cabang perubatan keluarga yang lebih luas.

Secara umumnya kesihatan keluarga terbahagi kepada dua cabang besar; kesihatan pesakit luar dan kesihatan ibu dan kanak-kanak. Kesihatan pesakit luar termasuk rawatan kecemasan, penyambungan rawatan setelah discaj dari wad, penjagaan luka kronik, penjagaan penyakit kronik seperti kencing manis, asma, penyakit thyroid dan tekanan darah tinggi, kesihatan kanak-kanak berusia lebih daripada 5 tahun, kesihatan pelajar sekolah, kesihatan remaja, dewasa dan warga tua dan lawatan ke rumah untuk penjagaan domisiliari. Bagi kesihatan ibu dan kanak-kanak pula ia merangkumi penjagaan wanita sebelum mengandung, sewaktu mengandung, selepas mengandung dan bayi selepas lahir sehingga berumur 5 tahun. Ada juga klinik-klinik kesihatan terpilih yang memberi khidmat bersalin di klinik bagi mereka yang tidak mempunyai apa-apa faktor risiko semasa mengandung. Penjagaan sebelum dan selepas mengandung pula termasuk memberi khidmat perancangan keluarga yang berkesan kepada

para wanita agar dapat merancang kehamilan pada masa yang sesuai.



Terdapat banyak salah faham tentang perubatan keluarga. Segelintir rakyat hanya beranggapan yang perubatan keluarga hanya terhad untuk mendapatkan rawatan batuk dan selsema di klinik. Bahkan ramai anggota kesihatan sendiri yang langsung tidak mengetahui bahawa program-program dan aktiviti kesihatan yang dijalankan di peringkat kesihatan primer melangkaui rawatan untuk batuk dan selsema. Tugas kakitangan kesihatan primer bukan sahaja terhad di klinik, tetapi juga di luar klinik agar sampai dan lebih dekat kepada masyarakat. Jika kesihatan primer mencapai objektif tugasannya, ia secara tidak langsung mengurangkan beban perubatan di hospital dan rawatan pakar di peringkat sekunder dan tertier yang mampu menelan lebih banyak belanja.



Kesihatan primer secara asasnya bermaksud rawatan pertama yang ada buat pesakit dengan majoriti rakyat menggunakan khidmat ini. Justeru, kesihatan primer juga melibatkan promosi kesihatan dan pencegahan penyakit di peringkat komuniti dengan tujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan dengan mewujudkan kesedaran tentang kepentingan kesihatan di kalangan masyarakat setempat. Program pap smear, program

...bersambung ke muka 11

intervensi alkohol, saringan kesihatan mental, tibi, kolorektal kanser, diabetes dan khidmat berhenti merokok adalah antara program pencegahan penyakit yang dijalankan oleh kesihatan primer. Bagi memastikan kesihatan masyarakat terjaga dan pencegahan penyakit dijalankan secara berkesan, promosi kesihatan dijalankan secara terancang dan berkala. Saringan kesihatan dibuat di peringkat sekolah dan komuniti secara besar-besaran. Kem-kem kesihatan dijalankan di sekolah-sekolah, dewan orang ramai dan kawasan perkampungan untuk mempromosi kesihatan awam kepada masyarakat setempat. Walaupun aktiviti ini agak meluas, namun masih ramai yang tidak mengetahui tentang program kesihatan seperti ini melainkan jika mereka terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk menjayakannya.



Selain daripada tugasan klinikal dan program kesihatan di peringkat komuniti, anggota kesihatan primer juga aktif dalam pengambilan data untuk tujuan audit bagi memastikan perkhidmatan primer bergerak seiring dengan aspirasi negara. Sebarang kematian di kalangan ibu mengandung dan kanak-kanak bawah lima tahun akan disiasat oleh anggota kesihatan untuk dibentangkan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Ini bertujuan untuk melihat sejauh mana kekurangan di bahagian kesihatan dan perubatan hospital dalam rawatan pesakit yang terlibat dan bagaimana untuk memastikan penambahbaikan dilaksanakan di masa hadapan. Pembelajaran secara berterusan sangat ditekankan di kesihatan primer agar khidmat yang terbaik dapat diberikan kepada masyarakat seperti di negara-negara maju yang lain.

Sejak dengan ini, kesihatan primer kini sedang dalam proses memperkenalkan ‘family doctor concept’ di peringkat komuniti yang diharapkan dapat meningkatkan lagi kualiti dan kesedaran kesihatan di kalangan rakyat Malaysia. Dengan peningkatan jumlah doktor di bahagian kesihatan primer, diharapkan kualiti kesihatan rakyat akan lebih mantap dan menyeluruh, sekaligus mengurangkan beban rawatan di hospital akibat komplikasi-komplikasi penyakit yang tidak diuruskan dengan berkesan.

Selain itu, dengan penambahan jumlah pakar perubatan keluarga atau *Family Medicine Specialist* (FMS) di Malaysia dan penempatan mereka di klinik-klinik kesihatan kerajaan secara langsung dapat menambahkan kualiti rawatan yang dapat diberikan kepada masyarakat setempat. Kepakaran dan pengalaman FMS yang luas dalam perubatan keluarga membantu memberikan khidmat yang lebih baik buat pesakit dan seterusnya meningkatkan taraf kesihatan di peringkat komuniti. Perkhidmatan primer di klinik-klinik kesihatan kerajaan sememangnya semakin mendapat tempat di hati rakyat kerana bukan sahaja rawatannya lebih holistik, tetapi servis yang diberikan sentiasa bertambah baik dari tahun ke tahun. Kini banyak klinik kesihatan yang sudah mempunyai ‘multi disciplinary team’ sendiri yang terdiri daripada pegawai dietetik, pegawai farmasi, fisioterapi, jururawat terlatih, pembantu pegawai perubatan, pegawai perubatan dan pakar perubatan keluarga.

Kesimpulannya, kesihatan primer di Malaysia perlu diberi ruang untuk berkembang dan mencapai potensi sebaik mungkin. Walaupun kesedaran rakyat tentang khidmat perubatan primer di Malaysia masih rendah, namun ia semakin mendapat pengiktirafan dalam masyarakat disebabkan khidmat yang diberikan lebih menyeluruh dan sentiasa dalam proses penambahbaikan.

Dr Aini Ayu Suriyadi  
Pegawai Perubatan & Kesihatan  
[ainiayu@hotmail.com](mailto:ainiayu@hotmail.com)

## MUTIARA KATA

Beberapa amalan yang boleh kita lakukan pada saat turunnya hujan antara lain :

a) Memperbanyak doa.

Hujan adalah termasuk salah satu kategori waktu yang mudah dikabulkannya do'a-do'a.

Rasulullah SAW bersabda :

“Bergegaslah berdo'a di waktu-waktu yang mustajab, yaitu ketika bertemuinya dua pasukan di medan pertempuran, ketika solat hendak dilaksanakan, dan turunnya hujan” (HR. Baihaqi)

b) Berdoa saat turunnya hujan sebagai wujud rasa syukur kita kepada Allah SWT.

“Aisyah RA berkata, “Nabi SAW ketika melihat turunnya hujan, beliau mengucapkan ‘Allahumma shoyyiban nafi'an' (Ya Allah, turunkanlah pada kami hujan yang bermanfaat)

## Lawatan Ahli SUKMANITA Ke **Banda Aceh**

**Rohaya Umar**



**P**ada 24 hingga 27 November 2014 SUKMANITA telah mengadakan lawatan ke Banda Aceh.

Seramai 14 orang peserta yang terdiri dari ahli dan bukan ahli SUKMANITA telah mengikuti rombongan ini. Semua peserta telah mula berkumpul di Lapangan Terbang KLIA 2 pada pukul 10.00 pagi kerana kapal terbang akan berlepas pada pukul 12.00 tengah hari. Kapal terbang telah mendarat di Lapangan Terbang Sultan Iskandar Muda Banda Aceh pada pukul 12.30 tengah hari waktu Indonesia. Peserta rombongan telah disambut oleh wakil agen pelancongan. Setelah selesai urusan di lapangan terbang, peserta rombongan telah dibawa melawat Perkuburan Masal di Siron iaitu kubur korban tsunami pada 26 Disember 2004. Di perkuburan ini mengumpul sebanyak 46,718 orang mayat mangsa tsunami. Kemudian ahli rombongan menuju ke restoran untuk makan tengah hari.

### **Hari Pertama**

Selepas makan ahli rombongan melawat kapal apung di Desa Punge, Blancut, Banda Aceh. Kapal yang panjang 63 meter ini telah ditolak oleh gelombang setinggi 9 meter ke jantung Kota Banda Aceh sejauh 5 kilometer. Kapal ini telah terhempas hingga ke tengah-tengah perkampungan yang berdekatan dengan Muzium Tsunami. Selepas melawat dan bergambar di sekitar monumen kapal ini, ahli rombongan menuju ke Hotel Sulthan untuk berehat. Pada sebelah petang, ahli rombongan telah melawat Masjid Baiturrahim dan Masjid Raya Baiturrahman. Dua masjid ini adalah bangunan yang selamat sewaktu tsunami pada tahun 2004. Kami sempat mengerjakan solat maghrib secara berjemaah di Masjid Bairurrahman sebelum makan malam di salah sebuah restoran di Banda Aceh. Suasana masjid ini seolah-olah berada di Masjidil Haram di Mekah. Ramai penduduk Banda datang berjemaah di masjid ini. Peserta rombongan sempat bergambar di sekitar masjid.

### **Hari Kedua**

Pada hari kedua, selepas sarapan pagi kami dibawa melawat ke sebuah tempat kesan tsunami juga iaitu bot di atas rumah di Desa Lampulo. Bot ini telah dihanyut oleh gelombang tsunami dan mendarat di atas sebuah rumah. Di dalam bot ini terdapat seramai 59 orang yang selamat dari keganasan tsunami. 34 orang dari jumlah tersebut merupakan penduduk kampung tersebut yang telah memanjat atap rumah dan masuk ke bot tersebut. Mereka dapat melihat rumah-rumah dan bangunan lain digulung tsunami. Mereka juga cuba menyelamat jiran tetangga yang dihanyut oleh air tetapi tidak berjaya. Kemudian kami dibawa melawat makam Syeich Abdurrauf bin Ali Alfansuri atau lebih dikenali dengan Syiah Kuala. Beliau merupakan seorang ulama besar di Aceh. Beliau mempunyai pengaruh yang besar dalam penyebaran agama Islam di Sumatera dan Nusantara. Nama beliau telah dipahat pada Universitas Syiah Kuala, sebuah universiti yang tertua di Aceh. Selepas itu kami menuju ke Makam Hamzah Fansuri, yang terletak di sebuah bukit. Kami perlu mendaki bukit ini sebelum sampai ke makam tersebut. Beberapa orang ahli rombongan tidak dapat mendaki bukit ini.



Selepas makan tengah hari, kami melawat Asrama Anak Yatim Johor - Aceh. Kami dimaklumkan bahawa asrama ini mendapat sumbangan dari Kerajaan Negeri Johor setiap tahun. Kami sempat berkenalan dengan penjaga dan anak-anak yatim yang tinggal di asrama ini. Sedikit sumbangan juga telah dihulur kepada penjaga anak yatim. Seterusnya kami dibawa melawat Rumah Cut Nyak Dhien di Desa Lampisang. Beliau merupakan pahlawan wanita Aceh yang berjuang melawan penjajahan Belanda ketika Perang Aceh. Reka bentuk rumah ini adalah berbentuk rumah tradisional Aceh. Di dalam rumah ini terdapat berbagai barang bersejarah peninggalan Cut Nyak Dhien dan suaminya, Teuku Umar. Suaminya juga berjuang bersama beliau untuk mengusir penjajah Belanda dari tanah kelahirannya. Selepas keluar dari rumah ini, ahli rombongan sempat membeli makanan tempatan Aceh yang dijual di gerai berhampiran.

...bersambung ke muka 12

...bersambung dari muka 11



Lokasi seterusnya yang dilawati oleh ahli rombongan ialah Masjid Rahmatullah di Lampuuk. Masjid ini juga adalah antara masjid yang terselamat waktu kejadian tsunami. Di dalam bangunan masjid ini terdapat kesan kerosakan tsunami yang masih dikenali hingga sekarang untuk tatapan pelawat. Sewaktu kami sampai di masjid ini terdapat kanak-kanak sedang belajar al-Qur'an dan Pendidikan Islam. Kanak-kanak ini dibahagi mengikut kumpulan dan diajar oleh seorang ustazah. Tempat ini juga dikenali sebagai Taman Pendidikan al-Qur'an Rahmatullah. Kemudian pemandu pelancong membawa kami ke Pantai Lampuuk dan Pantai Lohknga. Pantai ini sangat bersih dan air laut sangat jernih dan cantik. Kami sempat melihat matahari tenggelam. Sebelum balik ke hotel, kami singgah makan malam di salah sebuah restoren.

### Hari Ketiga

Pada hari ketiga, kami dibawa melawat Muzium Tsunami. Ketika mula masuk ke musium ini, pengunjung melalui lorong sempit dan gelap di antara dua dinding air yang tinggi seolah-olah pengunjung merasai suasana tsunami. Dalam musium ini disenarai nama mangsa korban tsunami di dinding dan dibangunkan replika tsunami. Bangunan musium ini juga dibina bertujuan sebagai tempat perlindungan sekiranya berlaku bencana tsunami pada masa hadapan.

Seterusnya kami melawat Makam Sultan Iskandar Muda dan Rumah tradisional suku Aceh yang dikenali sebagai Rumoh Aceh. Rumah ini mempunyai tiga bahagian utama dan satu bahagian tambahan. Tiga bahagian utama terdiri dari serambi depan, serambi tengah dan serambi belakang. Manakala satu bahagian tambahan adalah rumah dapur. Rumah Aceh tidak menggunakan paku dan setiap pengunjung yang masuk ke rumah perlu menunduk. Keunikan rumah Aceh terletak pada atapnya. Tali hitam atau tali ijuk di atap mempunyai banyak kegunaan. Sekiranya berlaku kebakaran, tuan rumah hanya perlu memotong tali tersebut sehingga seluruh atap roboh dan mengelakkan dari musibah.

Sebelum makan tengah hari, pemandu pelancong telah membawa kami masuk ke Universitas Syiah Kuala. Kami

dapat melihat suasana universiti di Aceh walaupun kami tidak turun dari kenderaan. Selepas bersolat kami menuju ke Pasar Atjeh untuk membeli belah. Ahli rombongan dapat membeli cenderamata untuk dibawa balik ke Malaysia. Seterusnya kami dibawa melawat perkampungan Turki. Setiap rumah di kampung ini mempunyai bentuk yang sama dan terdapat lambang negara Turki. Kami juga sempat menziarah Makam Tengku Dibitay (Selahaddin). Selain makam ini terdapat juga makam lama berasal dari Turki Uthmani. Penduduk kampung ini masih ada yang mempunyai darah Turki kerana terdapat seorang penduduk yang kami jumpa mempunyai iras wajah Turki. Keluar dari perkampungan ini hari mulai gelap dan kami dibawa makan malam di Kuala Cangkoi. Di restoren ini kami dapat menikmati makanan laut.



Keesokan harinya kami berkemas-kemas untuk pulang ke Malaysia. Kami menaiki kapal terbang pada jam 11.20 pagi. Banyak kenangan sepanjang berada di Banda Aceh. Di samping itu hubungan antara ahli rombongan sangat rapat sehingga hari ini.

Rohaya Umar  
Perpustakaan Dr. Abdul Latiff  
[roha@ukm.edu.my](mailto:roha@ukm.edu.my)

### MUTIARA KATA

"Wanita yang cantik dalam kesederhanaannya, adalah wanita cantik yang sesungguhnya"- Mario Teguh.

"Dengan menolong diri sendiri akan membantu menolong orang lain dengan lebih sempurna"  
– RA Kartini

"Biarpun seribu kapal tenggelam di tengah lautan, namun cita-cita manusia tidak pernah padam"- Hamka

"Bermimpilah setinggi langit, jika engkau jatuh, engkau akan jatuh di antara bintang-bintang"- Soekarno

## Lawatan ke Beberapa Negeri di Amerika Syarikat

**Hanisah A Abd Rashid dan Hasnah Ali**

Pada 5 Mei 2015 kami telah berangkat ke Amerika Syarikat menaiki pesawat Emirates. Kami telah transit selama 3 jam di Dubai. Perjalanan dari Dubai ke Chicago mengambil masa lebih dari 14 jam merupakan antara perjalanan yang mengambil masa yang lama. Dari Chicago dimana kami telah melalui kastam dan imigresyen, kami pun menaiki kapal terbang domestik ke Des Moines ibu negeri Iowa yang mengambil masa selama 1 jam. Perjalanan kami dari Kuala Lumpur ke Des Moines Iowa mengambil masa lebih dari 30 jam termasuk waktu transit. Letih dan penat sungguh untuk sampai ke destinasi kami.

### Des Moines


Drake University terletak di Des Moines Iowa. Ramai pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti ini. Universiti ini agak cantik dengan persekitaran yang sangat menyegarkan mata. Selain Drake Universiti terdapat beberapa university di Iowa seperti Iowa State Universiti dan Univeriti of Iowa. Dengan kedudukan Iowa di Barat Tengah (Mid-West) Amerika Syarikat cuaca yang agak ekstrim terpaksa dilalui oleh pelajar-pelajar kita di sana. Masa musim sejuk suhu mencecah hingga ke -20 darjah centigrade dan musim panas suhu meningkat hingga ke 35 darjah centigrade.

### Minnesota

Setelah berehat dua hari di Des Moines, kami telah pergi ke Twin City Minnesota. Terdapat banyak kedai-kedai yang menjual barang-barang berjenama di Premium Twin City Outlet. Kami telah balik semula ke Des Moines lewat larut malam. Di Des Moines kami telah sempat berjalan-jalan ke kawasan-kawasan menarik dan cantik disekitar Des Moines.

### Colorado

Minggu kedua selepas sampai di Des Moines kami telah pergi ke Denver Colorado dengan menaiki pesawat. Setibanya di Denver kami telah menyewa kereta. Di Colorado kami telah sempat melawat beberapa tempat menarik seperti Amfiteater Red Rocks, 'Flat Iron', Taman Negara Rocky Mountain. Kami telah duduk selama empat hari di Boulder Colorado. Pemandangan di situ sangat cantik dengan gunung ganang yang sangat indah dan nyaman.



### Washington DC

Dari Colorado kami telah berangkat ke Washington DC juga dengan menaiki pesawat domestik. Di Washington DC kami telah menyewa kereta. Kami melawat beberapa tempat menarik seperti 'White House' dan 'Lincoln Memorial'. Kami duduk dua hari di Washington DC. Dari situ destinasi seterusnya ialah New York City. Kami telah menaiki kereta ke New York City selama 6 jam dan melalui beberapa tol.



### New York

New York City merupakan sebuah bandar yang sangat besar penuh dengan bangunan-bangunan tinggi pencakar langit. Kami berpeluang melawat tempat-tempat yang kerap terdapat dalam cerita-cerita movie seperti terminal 'Grand Central', 'Bryant Park' 'Fifth Avenue'. Tempat-tempat pelancongan seperti 'Statue of Liberty' 'Federal Reserve', Bangunan Rockefeller Center, 'World Trade Center', 'Times Square', 'Brooklyn Bridge' dan 'Central Park'.

...bersambung ke muka 15

...bersambung dari muka 14

## Banjir Dan Keselamatan Anda

**Siti Wahida Amanullah**

Jika diberi pilihan tentu semua daripada kita tidak mahu menghadapi bencana alam sama ada gempa bumi, kebakaran, kemarau maupun banjir. Tetapi sebagai manusia yang tidak mungkin sunyi daripada ujian Allah, seharusnya setiap bencana itu diterima dengan rasa redha dan percaya ada hikmah di sebaliknya. Memandangkan musim tengkujuh yang mula menyebabkan banjir di beberapa negeri kebelakangan ini juga pengalaman lepas, persediaan dalam menangani musibah ini boleh diberi perhatian.

Berdasarkan nasihat dan panduan daripada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), tidak semua daripada kita bersedia atau mengambil langkah berjaga-jaga dalam memastikan keselamatan ahli keluarga terjamin ketika banjir atau banjir kilat terutama dalam pengendalian barang elektrik. Jika rumah ditenggelami banjir, kemungkinan untuk penghuni terkena renjatan elektrik amat besar memandangkan arus elektrik boleh mengalir di dalam air. Justeru langkah terbaik ialah mematikan suis utama untuk menghentikan seluruh pengaliran elektrik. Dalam keadaan seperti ini, biarlah kita bergelap dengan menggunakan lampu suluhan atau lilin daripada mengundang risiko lain kepada anggota keluarga sendiri.

Memandangkan pengendalian perkakasan elektrik lebih dominan di kalangan wanita, menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa berhati-hati ketika menggunakan peralatan ini ketika banjir sekiranya benar-benar perlu, dengan tidak menyentuh sebarang peralatan atau suis dengan tangan yang basah selain tidak menggunakan sebarang peralatan yang telah terendam di dalam air. Jika perlu berpindah, simpan barang elektrik anda di tempat yang tinggi agar tidak ditenggelami untuk mengelakkan risiko kerosakan selain menjamin keselamatan apabila kembali ke rumah. Barang elektrik seperti peti sejuk atau mesin seharusnya dikeringkan sebelum digunakan. Begitu juga barang perkakasan elektrik yang kecil seperti kipas, pengisar dan sebagainya, perlu dijemur sehingga kering sebelum di sambung ke punca elektrik. Jika masih ragu-ragu, boleh mohon bantuan juruelektrik untuk pemeriksaan.

Pihak TNB kini telah mewujudkan Talian Khidmat TNB iaitu 15454, yang bersedia menerima panggilan orang ramai yang menghadapi masalah berkaitan elektrik terutama ketika musim bencana. Demi keselamatan bersama, pengawasan dan kepekaan kita sebagai ibu bapa maupun jiran amat penting terutama terhadap kanak-kanak agar tidak menghampiri tiang elektrik yang tumbang, kabel elektrik yang putus atau kawasan yang dinaiki air bukan sahaja disebabkan pengaliran voltan elektrik malahan juga musibah lain seperti lemas, penyakit berjangkit dan gigitan haiwan merbahaya. Utamakan keselamatan ketika banjir, tanggungjawab bersama.

*Sumber : Utama Keselamatan Ketika Banjir. Berita Harian. 8 Disember 2015.*



### Chicago, Illinois

Sebelum pulang ke Malaysia kami telah berjalan-jalan di Chicago. Kami duduk di Chicago selama 5 hari. Antara tempat-tempat yang kami lawati ialah 'Millennium Park', Menara Willis dan 'Navy Pier'. Bangunan-bangunan di Chicago juga tinggi mencakar langit. Kami sangat berpuas hati dapat berjalan dibanyak tempat dan tempat-tempat ini semuanya sangat menarik.

### Penutup

Saya telah berpeluang melawat beberapa negara tetapi lawatan ke Amerika Syarikat ini boleh dikatakan antara lawatan yang sangat seronok dan mengembirakan. Kami telah pulang ke tanah air pada minggu kedua Jun 2015. Mungkin kerana pengaruh televisyen, cerita filem dan buku cerita membuat saya lebih ingin melihat tempat-tempat yang cantik, menarik serta mengagumkan ini dengan mata sendiri. Amerika Syarikat sangat luas dan kita boleh melihat berbagai bentuk muka bumi dan pemandangan-pemandangan menarik kejadian Allah SWT. Ada rezeki inshaAllah kami ingin pergi lagi melancong ke Amerika Syarikat.

Hanisah A Abd Rashid  
Drake University Iowa  
hanisah.abdrashid@gmail.com

Prof Madya Hasnah Ali  
hasnah\_ali03@yahoo.co.uk

## Banjir : Nilai satu Kehidupan

Noor Aziah Mohd Awal (Prof Datin)

**S**emasa sedang bercuti di New Zealand awal hujung Disember 2014 kami sekeluarga menjadi gusar mendapat khabar negeri di pantai timur dilanda banjir. Mulanya kami merasakan ia banjir biasa yang melanda negeri pantai timur setiap tahun. Namun apabila menonton TV di New Zealand tentang berita banjir dan apabila suami mendapat mesej dari penjaga apartmen tempat dia tinggal di Kota Baru yang menanyakan kunci kereta suami yang dipakir di basemen apartmen itu, kami semakin risau. Suami terus mengucap panjang dan berkata, "jadi kapal selamlah kereta aku!"

### Pulang ke Malaysia

Sesampainya kami ke Malaysia dari New Zealand, saya dapati UKM telah mula menggerakkan sukarelawan bantuan banjir ke Kelantan, iaitu ke Tumpat dan Jeli. Tumpat dan Jeli telah menjadi tumpuan kerana Sekolah Kebangsaan Tumpat pernah menyumbang RM3.50 kepada penubuhan UKM pada tahun 1970 dahulu dan Jeli,pula disebabkan oleh hubungan baik UKM dengan YBhg Dato' Mustafa Mohamad yang telah lama terjalin. Ada juga satu dua kumpulan yang pergi sendiri kerana membantu keluarga dan rakan-rakan di UKM menghulur bantuan kerana rasa prihatin dan belas ikhsan. Kemudiannya Kementerian Pendidikan menghubungi Sekretariat Timbalan-timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar untuk mengembeling tenaga sukarelawan siswa untuk membantu mengemas dan membersihkan sekolah kerana sekolah sepatutnya dibuka pada awal Januari 2015.

### Misi Bantuan Banjir

Dengan penyelarasan pihak KPT semua universiti awam mula menggerakan misi bantuan banjir ke Pantai Timur. UKM memfokus tempat bantuan di Gua Musang. Saya dan Prof Dr Imran Ho, Timbalan Naib Canselor Hal ehwal Industri dan Masyarakat mengetua misi ini secara bersama. Misi pertama diketuai oleh Prof Imran dan saya mengentuai misi-misi selepas itu. Misi Bantuan Banjir UKM ini juga disertai oleh staf akademik, staf sokongan dan pelajar. Kami membawa makanan sendiri, tukang masak sendiri (tukang masak kami kebanyakannya adalah pengawal keselamatan kami yang juga bekas tentera). Semua sukarelawan ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Indera Putera, Gua Musang dan dari situ

sukarelawan telah dibawa ke Sekolah Kebangsaan Limau Kasturi.

Dalam perjalanan ke Gua Musang, saya melihat kesan banjir di sepanjang jalan. Sebaik tiba di Gua Musang, saya terus ke Sekolah Indera Putra tempat sukarelawan menginap. Sepanjang perjalanan saya melihat bekas banjir dan hati saya merasa sayu. Saya baru melihat sedikit tanda-tanda bekas air dan rumah yang kosong. Di Sekolah Indera Putera, tukang masak yang kita bawa khas telah menyediakan makanan. Kita dimaklumkan bahawa sekolah itu juga digunakan sebagai penempatan sementara mangsa banjir. Sukarelawan UKM telah memulakan kerja pada pagi Sabtu. Kita telah pergi ke Sekolah Kebangsaan Limau Kasturi. Kita dapati Sekolah tersebut telah dinaiki air hingga ke tingkat satu banguan tersebut. Oleh kerana tiada bekalan air, maka pihak sukarelawan UKM telah menyedut air sungai untuk digunakan bagi membasuh sekolah yang telah berlumpur itu.

### Kerja-kerja Pembersihan

Pembahagian kerja dimulakan dengan mengangkat semua peralatan sekolah seperti meja dan kerusi, almari, peralatan asrama seperti katil dan tilam, keluar dari banguan dan dihimpunkan di satu kawasan. Sekumpulan sukarelawan mula membersih bilik dengan mencangkul lumpur keluar dan apabila air berjaya disedut naik, mereka telah menggunakan pancutan air untuk melembutkan lumpur. Sukarelawan berada dari pagi hingga petang dan makan tengahari dibawa ke Sekolah tersebut. Oleh kerana kita musafir yang boleh menjamakkan solat, maka sukarelawan telah balik ke Sekolah Indera Putra jam 5 petang untuk mandi dan bersolat. Ini kerana di Sekolah yang kami bersihkan tiada air bersih untuk mandi dan solat.

Saya terharu dengan pengorbanan sukarelawan UKM yang bekerja keras membersih sekolah tanpa sebarang bayaran kecuali ganjaran pahala. Tiada siapa memaksa mereka ke Gua Musang untuk membantu membersih sekolah tetapi desakan hati masing-masing yang terpanggil untuk menyumbang bakti atas nama perikemanusian dan belas kasihan. Ramai diantara kami yang datang membawa, kain pelikat atau batik dan telekung serta makanan ringan. Ketika

...bersambung ke muka 17

sukarelawan berkerja di Sekolah Kebangsaan Limau Manis, sekumpulan doktor dari Pusat Perubatan UKM telah berhari-hari menjalankan aktiviti klinik bergerak dikampung-kampung di Gua Musang seperti di Kampung Limau Kasturi, Kg Batu 5 dan 6 dan Kampung Pulau Setelu. Mereka membuat pemeriksaan kesihatan, memberi ubat-ubatan mengikut keperluan dan memastikan tiada yang demam dan cirit birit.

### Mengagihkan Barang

Saya juga sempat pergi ke kampung-kampung tersebut mengedarkan barang yang kami kumpul hasil dari derma orang ramai dan pihak Media Prima. Kami mengedar toto, khemah, selimut dan barang makanan. Semasa mengedar barang-barang ini saya dapati ada mangsa banjir yang telah balik ke rumah dan duduk di rumah mereka yang separuh roboh atau duduk di khemah di atas tapak rumah yang hanya tinggal tapak. Melihat seorang warga emas yang hanya berkain pelikat tanpa kasut, duduk di atas tikar di bawah rumahnya yang hampir rebah menyembah bumi, saya tidak dapat menahan air mata. Saya sampaikan kepadanya toto dan khemah dan saya kata "Pakcik, jangan tidur di situ" sambil menunjuk bawah rumah yang hampir roboh itu dan menunjuk kawasan lapang "pakcik pasang khemah di situ ya." Dia mengangguk dan saya lihat air matanya berlinang. Saya tidak boleh bayangkan jika saya yang menghadapi apa yang pakcik itu hadapi. Jika rumah yang saya bina selama 30 ke 50 tahun tiba-tiba hilang, roboh dan yang hanya tinggal adalah tapaknya.

Seorang warga emas yang saya temui duduk di atas tangga batu yang tidak dihanyut air. "Ini aje yang tinggal dari rumah makcik." Katanya dalam Bahasa Kelantan yang pekat. Walau pun saya bukan orang Kelantan, suara makcik itu dengan iringan tangisannya, membuat saya sebak. Setiap wajah yang saya temui, setiap tangan yang saya sambut untuk bersalam semasa saya menyampaikan sumbangan, saya amati dan saya dapat merasai kesedihan yang mendalam yang menginsafkan saya bahawa dunia ini hanya pinjaman. Allah SWT boleh memberi kita rezeki dan Allah juga boleh mengambilnya pada bila-bila masa sahaja.

Sesungguhnya bencana banjir yang berlaku di Kelantan membawa berbagai pengajaran kepada saya tentang kehidupan. Saya terharu melihat rakan-rakan warga UKM turun padang tanpa dipaksa untuk menghulur bantuan. Yang berkemampuan menghulur wang ringgit

dan ramai menghulur tenaga membersih sekolah dan menziarahi mangsa. Kita juga menderma pakaian, peralatan dapur dan berbagai keperluan harian termasuk tuala mandi, kain pelikat dan sabun. Bagi sukarelawan banjir, mengemas sekolah yang berlumpur dan kotor, memerlukan semangat jitu kerana ingin berkhidmat dan itu sesuatu yang dilahirkan dari rasahati nurani yang ikhlas dan kekuatan keimanan kepada Allah. Semua bekerja tanpa mengira penat lelah dan tanpa mengira keselamatan diri sendiri.

### Ganjaran Pahala dan Kesimpulan

Bagi mangsa, walau pun sedih dengan apa yang terjadi, namun mereka redha dengan ketentuan Allah. Allah menduga umatnya yang kuat menerima dugaan. Kepada yang tidak diduga dengan musibah, dugaan kita mungkin lebih mencabar seperti melawan nafsu agar tidak hidup membazir dan bermewah-mewah sehingga terlupakan Allah. Pengalaman menyertai mengetuai Misi Bantuan Banjir ke Gua Musang adalah pengalaman yang tidak mungkin saya lupakan sampai bila-bila. Saya berdoa kita dijauhi musibah di masa akan datang. Moga Allah memberi ganjaran pahala Kapadia semua yang telah menyumbang bakti dalam misi tersebut. Ameen.

Prof Datin Noor Aziah Mohd Awal

Timbalan Naib Canselor Hal-ehwal Pelajar & Alumni UKM  
tnchepa@ukm.edu.my

### MUTIARA KATA

Antara keberkatan dan manfaat hujan adalah manusia, haiwan, dan tumbuh-tumbuhan sangat memerlukannya untuk keberlangsungan hidup, sebagaimana Allah SWT telah berfirman :

رَبُّنَا مُؤْمِنٌ لِّلَّهِ وَيَعْلَمُ أَنَّكُمْ أَعْلَمُ بِأَنَّكُمْ ضُرُّ لِّأَوْتَارِ الْمُسْلِمِينَ إِذَا رَأَيْتُمُوهُ

"Dan apakah orang-orang yang kafir tidak mengetahui bahwasanya langit dan bumi itu keduanya dahulu adalah suatu yang padu, kemudian Kami pisahkan antara keduanya. Dan dari air Kami jadikan segala sesuatu yang hidup. Maka mengapa mereka tiada juga beriman?" (QS. Al-Anbiya :30)

دُبِّيَّنَاهُ لِّلَّهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْحُكْمِ فَرَسَّيْنَاهُ أَوْ جَاهَهُ أَوْ دَفَّنَاهُ فَمَنْ يَعْلَمُ بِذَلِكَ فَإِنَّمَا يَنْهَا

"Dan Dialah yang menurunkan hujan sesudah mereka berputus asa dan menyebarkan rahmat-Nya. Dan Dialah Yang Maha Pelindung lagi Maha Terpuji" (QS. Asy-Syuura : 28)

## Dari Kaca Mata **Mahasiswa sebagai Sukarelawan Banjir**

**Mohamad Syazwan Abdul Rahman**

Tahun 2014 merupakan simbolik kepada tahun yang menyediakan buat seluruh warga Malaysia. Terlalu banyak tragedi yang menyediakan hati buat rakyat di tanah air kita. Antara insiden yang berlaku pada tahun 2014 adalah kes pencerobohan di Lahad Datu dan Semporna, Sabah, kehilangan pesawat MH370 dan QZ8501, tragedi berdarah MH17 dan tidak dilupakan bencana banjir besar yang mencatat sejarah bah terburuk di negara kita.

Saya merupakan seorang mahasiswa di sebuah universiti di Amerika Syarikat. Saya sangat terkesan dengan bencana banjir yang berlaku di Malaysia. Jadi saya ingin untuk terlibat sama dalam usaha menolong dan membuat sesuatau bagi meringankan beban mangsa banjir.

### Pulang ke Tanah Air

Saya berpeluang untuk pulang ke tanah air pada Disember 2014 yang lalu iaitu bersamaan dengan cuti semester universiti kami. Pada masa yang sama juga, Kuala Lipis, Pahang yang merupakan kampung halaman saya turut dinaiki air. Semasa hari pertama berlakunya banjir, saya tiada di tempat kejadian dan hanya dapat menyertai kru sukarelawan lewat pascabanjir. Kami bertolak ke Kampung Aur Gading bersama dengan beberapa buah kereta pacuan empat roda (4WD). Beberapa buah van milik media dari Kuala Lumpur juga turut hadir kerana pada hari tersebut, Menteri Kerja Raya dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Fadillah Yusof dan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein turun padang melihat kawasan yang terlibat dengan bencana ini.

### Kampung Aur Gading

Sesudah sampai, saya sempat berborak dengan seorang wanita (makcik) lewat 50-an yang merupakan penduduk tetap Kampung Aur Gading. Kami duduk berteduh di bawah pohon rendang ketika kebanyakan orang lain berkumpul untuk berjumpa dengan kedua-dua menteri tersebut. Saya bertanyakan beberapa soalan kepada makcik memandangkan beliau merupakan 'orang lama'. Beliau pun menceritakan kronologi berlakunya banjir di tempat beliau. Katanya banjir tahun ini berlaku secara mengejut kerana tiada siapa sangka akan berlaku seterus ini. Kali terakhir berlakunya bah besar adalah pada zaman Tun Abdul Razak atas sebab kegiatan penerokaan hutan berlaku secara besar-besaran. Kebiasaannya, banjir berlaku dalam skala yang kecil dan penduduk kampung tidak perlu memindahkan barang-barang kepunyaan mereka kerana air tidak akan naik melebihi paras biasa seperti sebelum ini. Pada malam berlakunya banjir itu, mereka hanya mengambil dokumen-dokumen penting dan berpindah ke dewan berdekatan seperti biasa. Namun, sambungnya lagi, tanpa disangka-sangka, dewan tempat mereka berteduh itu pun dinaiki air yang memberi petanda bahawa banjir kali ini bukan sebarang banjir.

"Tiba-tiba saja nak (anak), air masuk dewan. Semua terkejut dan *berpakat* (sepakat) kena pindah tempat tinggi lagi. Memang tak sempat nak balik selamatkan barang-barang makcik di rumah. Maklumlah yang ada kat (di) dewan ni (ini) semuanya dah berumur, nak. Mana nak larat *bawak* (bawa) barang berat-berat ke hulu ke hilir. Anak-anak makcik semua belajar, kerja kat luar, nak. *Deme* (mereka) pun tak sempat nak balik kampung masa banjir ni jadi." Luahan makcik kepada saya. Saya hanya mampu mengangguk dan mendengar kata-kata makcik yang mula bergenang air mata mengenangkan nasibnya.

### Sentimen Politik

Saya berpendapat tegas bahawa bencana banjir yang berlaku itu sudah semestinya suatu isu nasional dan seharusnya diambil perhatian oleh seluruh rakyat Malaysia. Kita seharusnya menolak sentimen politik dalam hal ini dan sama-sama bersatu dalam mengawal, membanteras dan memberi solusi kepada isu ini. Kita tidak seharusnya meletakkan seluruh beban kepada kerajaan negeri mahupun persekutuan sahaja kerana kita sebagai rakyat Malaysia, secara individu sepatutnya memberi sumbangan tidak kira dari segi idea, kudrat, kewangan mahupun barang.

Ada beberapa perkara yang saya ingin ketengahkan selaku salah seorang sukarelawan. Pertama sekali, masih ada segolongan mangsa atau jawatankuasa banjir yang bermain sentimen politik. Ada sesetengah daripada mereka menolak bantuan yang disalurkan dari pihak parti politik tertentu. Mereka berkata bahawa mereka lagi sanggup menahan lapar dan dahaga daripada menerima bantuan dari parti politik yang mereka musuh. Hal ini tidak seharusnya berlaku dalam suasana bencana ini kerana mereka seharusnya memikirkan nasib yang menimpa mangsa-mangsa lain yang memerlukan bantuan tersebut. Apakah akan terjadi kepada isteri, anak, cucu mereka sekiranya mereka menolak bantuan yang diberikan semata-mata perbezaan fahaman politik?

### Sumbangan dan Derma

Rakyat Malaysia amat terkenal dengan sikap pemurah hati dalam memberi sumbangan apabila berlakunya sesebuah bencana dalam mahupun luar negara. Semasa tragedi banjir ini, kita dapat lihat banyak kutipan derma berjaya dipungut dalam bentuk wang mahupun barang-barang harian seperti pakaian, makanan serta minuman. Tetapi, ada juga pihak yang tidak bertanggungjawab dalam memberi sumbangan ini. Sebagai contoh, saya sendiri melihat ada pihak yang memberi sumbangan pakaian terpakai dan apabila dibongkar pakaian tersebut satu persatu, hanya beberapa helai sahaja yang mempunyai kondisi "sesuai untuk dipakai". Yang selebihnya sekadar memenuhi tong sampah atas sebab kondisi yang teruk. Ada juga

...bersambung ke muka 19

...bersambung dari muka 18

"penderma" memberi makanan yang sudah melepas tarikh luput. Hal ini amat mengecewakan kerana mangsa-mangsa banjir amat memerlukan pertolongan dari kita dan kita tidak sepatutnya menganiaya mereka sedemikian rupa.

### Mitigasi Banjir

Semasa Sesi Teh Tarik Episod 3 bersama Dato' Sri Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya, yang dianjurkan oleh Kelab UMNO Luar Negara (KULN) Iawa pada bulan Mei yang lalu, apabila ditanya apakah rancangan jangka masa panjang oleh kerajaan untuk menangani masalah banjir di Malaysia, beliau mengatakan bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah melantik dua universiti di Malaysia (salah satunya adalah Universiti Sains Malaysia) untuk mengkaji punca sebenar banjir besar yang berlaku pada tahun 2014. Salah satu puncanya adalah pengurusan tanah tinggi di sepanjang Banjaran Crocker. Beliau juga mengatakan bahawa salah satu kelemahan di Malaysia adalah implementasi sesuatu polisi. Sebagai contoh, di Tanah Tinggi Cameron, sindiket gangster telah mengawal kawasan tersebut dan ini menyumbang masalah kepada kerajaan negeri dan persekutuan untuk menguatkuasakan undang-undang. Oleh itu, apa yang pihak kerajaan lakukan sekarang adalah mengarahkan pihak polis dan angkatan tentera untuk menangani sindiket ini. Tambahan pula, kerajaan memberi fokus dalam penanaman semula serta pengurusan cerun di kawasan terbabit. Jabatan Kerja Raya (JKR) juga terlibat dalam melakukan kajian terhadap faktor mitigasi banjir ini.

### Kesimpulan

Kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya sedar bahawa tugas menangani banjir ini tidak seharusnya diserahkan kepada pihak pentadbiran sahaja. Pelbagai inisiatif yang kita boleh usahakan dalam membantu rakyat kita dalam hal ini. Terdapat hubungan yang rapat antara mahasiswa universiti dan masyarakat. Mereka boleh memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan sesebuah masyarakat. Dalam hal ini misalnya mahasiswa dan golongan intelektual digalakkan untuk mengadakan sesi diskusi serta kajian secara menyeluruh dalam mengurangkan beban dan musibah banjir yang dihadapi di tanah air kita. Ringankan beban masyarakat dengan mengambil sikap cakna dan ingin tahu terhadap sesuatu isu. Pelbagai platform yang telah disediakan (atau mulakan yang baru!) untuk memberi peluang kepada anak-anak muda untuk turun padang melihat realiti sebenar masyarakat kita. Apa guna kehadiran ke kuliah setiap hari tetapi tidak mampu memberi sedikit pun sumbangan kepada masyarakat?

Mohamad Syazwan Abdul Rahman  
Drake University, Iowa USA  
[mohamadsyaz.abdurrahman@drake.edu](mailto:mohamadsyaz.abdurrahman@drake.edu)  
[mohamad.abdu1230@gmail.com](mailto:mohamad.abdu1230@gmail.com)



### GULAI PISANG 'KETUK' SAMA CENDAWAN KUKUR

#### BAHAN-BAHANNYA :

1 sisir pisang kapas yang muda (kurang lebih 14 biji)  
2 cawan cendawan kukur, rendam hingga kembang dan dibersihkan  
5 ketul tulang ikan masin kurau yang masih ada isi, cuci dan rendam  
2 batang serai, diketuk  
1 helai daun kunyit, disiat  
1 keping asam gelugor  
1 liter santan cair  
450 ml pati santan  
Garam dan gula secukup rasa  
Air jika perlu

#### BAHAN-BAHAN KISAR HALUS :

1 biji bawang besar  
6 biji bawang merah  
3 ulas bawang putih  
1 inci kunyit  
20 biji cili padi kampung jenis hijau

#### CARA MEMBUATNYA :

1. Pisang kapas, dibuang sedikit kulitnya, kemudian masukkan ke dalam lesung batu dan ketuk sedikit (jangan sampai lunyai). Buat hingga siap dan masukkan ke dalam periuk. Rebus hingga sedikit kembang dan air rebusannya tinggal sedikit. Ketepikan.
2. Toskan cendawan kukur, perah sedikit dan tumbuk, tapi jangan sampai hancur. Masukkan ke dalam periuk, masukkan serai, bahan kisar halus dan santan cair. Kacau rata dan masak hingga mendidih. Masukkan pisang yang direbus tadi bersama air rebusannya. Kacau rata dan masak dengan api sederhana hingga mendidih.
3. Toskan tulang ikan masin kurau dan masukkan ke dalam periuk. Kacau perlahan dan jika kurang kuah, tambah sedikit air. Masukkan pati santan, perasakan dengan sedikit garam dan gula. Masukkan daun kunyit, kacau dan biar mendidih sekejap sambil dikacau sekali sekala. Biarkan beberapa jam sebelum dihidangkan bersama nasi putih, sambal belacan dan telur dadar.... Selamat mencuba!!

Sumber : <http://www.tiffinbiru.com/search/label/Sayur%20-%20Sayuran>

## Penyakit yang Sering Melanda ketika Pascabanjir

Hanisah A Abd Rashid dan Hasnah Ali

**K**ita sedia maklum banjir boleh mendaraskan berbagai impak negatif seperti yang telah dibincangkan dalam penulisan-penulisan dalam keluaran ini. Bagaimana pun faktor penting yang harus dibincangkan termasuk isu kesihatan dan dalam hal ini kita tidak dapat lari dari memperkatakan tentang penyakit yang boleh didapati ketika pascabanjir.

### Daya Tahan Menurun

Saat dan setelah banjir melanda, daya tahan tubuh seseorang kerap menurun disebabkan oleh ketidakcukupan makanan atau makanan yang tidak bersih. Ini ditambah pula dengan persekitaran yang kotor dengan sampah sarap yang banyak, air minuman yang tidak bersih dan makanan yang tercemar. Keadaan begini tentunya boleh menyebabkan penyakit mudah menular dan merebak dengan agak cepat. Jadi bahagian ini akan mengutarakan beberapa jenis penyakit yang boleh dialami oleh mangsa banjir. Atara penyakit tersebut adalah seperti cirit birit, denggi berdarah, demam typhoid, Leptospirosis dan berbagai aneka penyakit kulit.

### Cirit Birit

Ketika banjir semua sampah, tangki septik, serta berbagai kotoran lainnya sudah bercampur baur menjadi satu. Ketika air banjir surut dan kering, kotoran serta kumannya tertinggal pada benda-benda yang terkena banjir, serta berterangan dibawa angin.

Cara mengatasinya ialah dengan mencuci semua perabot dengan baik menggunakan desinfektan. Termasuk juga dinding rumah, almari baik bahagian luar maupun dalam. Yang penting kita wajib mencuci tangan sebelum makan selepas ke tandas dan juga peralatan makan sebelum digunakan, walaupun barang-barang ini tidak terkena banjir. Kita harus menjauhi membeli makanan ditepi-tepi jalan atau membeli makanan dari restoran yang kita tidak ketahui kebersihannya.

### DBD (Demam Berdarah Denggi)

Selepas banjir terdapat takungan air dalam bekas seperti tempurung kelapa, besen dan sebagainya. Air takungan ini menggalakkan pembiakan nyamuk. Demam berdarah atau demam denggi (DBD) adalah infeksi yang disebabkan oleh virus denggi. Nyamuk yang menyebarkan virus denggi. Demam denggi juga disebut sebagai demam sendi (breakbone fever), kerana demam tersebut boleh menyebabkan penderitanya mengalami milu hebat seakan-akan tulang mereka patah.

Tanda-tanda demam denggi adalah demam; sakit kepala; kulit kemerahan yang nampak seperti campak;

dan milu otot dan sendi-sendi. Demam denggi boleh berubah menjadi salah satu daripada dua bentuk yang mengancam nyawa. Yang pertama adalah demam berdarah, yang menyebabkan pendarahan, kebocoran pembuluh darah (saluran yang mengalirkan darah), dan rendahnya tingkat trombosit darah (yang menyebabkan darah membeku). Yang kedua adalah sindrom renjat denggi, yang menyebabkan tekanan darah rendah yang berbahaya.

Belum ada vaksin yang dapat mencegah seseorang terkena virus denggi tersebut. Terdapat beberapa tindakan pencegahan demam denggi. Orang-orang dapat melindungi diri mereka dari nyamuk dan meminimumkan jumlah gigitan nyamuk. Apabila seseorang terkena demam denggi, biasanya dia dapat sembuh hanya dengan meminum cukup cairan, selama penyakitnya tersebut masih ringan atau tidak parah. Jika seseorang mengalami keadaan yang lebih parah, dia mungkin memerlukan cairan infus (cairan yang dimasukkan melalui vena, menggunakan jarum dan pipa infus), atau transfusi darah.

### Tifoid (Typhoid)

Selepas banjir keadaan persekitaran sangat tidak bersih. Keadaan sanitasi juga tidak teratur diikuti dengan bekalan air yang tidak bersih. Keadaan yang tidak bersih ini menggalakkan lalat yang banyak. Makanan mudah tercemar. Demam tifoid adalah penyakit bawaan makanan yang disebabkan oleh jangkitan bakteria *Salmonella Typhi*. Bakteria ini terdapat di dalam darah, urin, dan najis pesakit dan juga najis pembawa. Pembawa adalah seorang yang mempunyai bakteria tifoid dalam saluran penghadamannya tetapi tidak mempunyai gejala demam tifoid. Mereka ini sukar dikesan dan sentiasa mengeluarkan bakteria tifoid di dalam najis.

Terdapat pelbagai cara untuk demam Tifoid merebak. Salah satu cara ialah melalui makanan dan minuman yang disediakan oleh pesakit dan pembawa bakteria *S. Typhi*. Lalat juga boleh menjadi medium penyebaran bakteria dengan menghinggap makanan dan minuman. Cara lain ialah menggunakan bekalan air yang tidak bersih.

### Kencing Tikus (Leptospirosis)

Penyakit kencing tikus atau Leptospirosis adalah penyakit yang tenat dan mudah berjangkit disebabkan bakteria *Leptospira* yang disebarluaskan melalui kencing haiwan. Bakteria ini dikenal pasti berasal dari tikus. Namun, banyak jenis haiwan yang boleh menjadi perumah bakteria ini, sama ada haiwan liar atau peliharaan. Jika

...bersambung ke muka 21

...bersambung dari muka 20

tidak dirawat segera, penyakit ini boleh merebak dan membawa maut.

Ketika banjir tikus-tikus yang tinggal di lorong-lorong atau lubang kecil dirumah pun ikut keluar untuk menyelamatkan diri. Tikus tersebut berkeliaran di sekitar manusia sehingga kotoran dan air kencing tikus yang mengandung bakteri Leptospira akan bercampur dengan air banjir. Bila seseorang yang memiliki luka dan terkena air tersebut akan terkena penyakit ini dan menjadi infeksi dan akan jatuh sakit. Selain itu Leptospirosis juga mudah merebak semasa mengamalkan kerja-kerja harian. Contohnya pekerja yang melakukan pekerjaan yang terdedah kepada panas, seperti petani, peladang, pekerja sistem pembentangan, dan anggota tentera. Aktiviti rekreasi dalam air seperti berenang di kawasan yang panas dan bertakung juga boleh membawa kepada penyebaran kencing tikus.

Cara mengatasinya ialah cuba hindari terkena air banjir, terutama apabila kita sedang mengalami luka. Gunakan sepatu bila terpaksa berjalan di tengah banjir, supaya tidak terkena paku atau benda tajam lainnya yang dapat melukakan kita. Kita juga perlu meningkatkan tahap ketahanan badan kita, banyakkan berehat dan jumpa doktor untuk mendapatkan pemeriksaan lebih lanjut.

### Aneka penyakit kulit

Kotoran pada air banjir dapat menyebabkan penyakit kulit, mulai dari yang ringan seperti gatal-gatal hingga yang berat seperti infeksi.

Cara mengatasinya ialah selalu membersihkan diri setelah terkena air banjir, dan gunakan ubat yang sesuai bila sudah terkena penyakit kulit tersebut.

### Kesimpulan

Diharapkan maklumat mengenai penyakit yang kerap muncul akibat banjir dapat sedikit sebanyak memberi gambaran tentang jenis-jenis penyakit ini supaya kita sedar dan peka akan risiko yang boleh didapati selepas banjir melanda di tempat kita. Kita harus mengambil langkah-langkah menjaga kebersihan supaya dapat membantu mencegah terlebih dahulu agar tidak menjadi wabak atau sumber penyakit.

Hanisah A Abd Rashid  
Drake University Iowa  
[hanisah.abdrashid@gmail.com](mailto:hanisah.abdrashid@gmail.com)

Prof Madya Hasnah Ali  
[hasnah\\_ali03@yahoo.co.uk](mailto:hasnah_ali03@yahoo.co.uk)

## BERITA SUKMANITA

**Susunan: Rohaya Umar**

### Mesyuarat Agung SUKMANITA ke 33

Pada 10 Oktober 2014 SUKMANITA telah mengadakan Mesyuarat Agung kali ke 33 di Auditorium Perpustakaan Lingkungan Ke-2. Sebelum Mesyuarat Agung diadakan satu ceramah disampaikan oleh Ustazah Zawiyah Hassan. Isi kandungan ceramah sangat menarik dan lebih tertumpu kepada rumah tangga dalam Islam.



Mesyuarat Agung telah bermula pada jam 10.30 pagi. Setiausaha melaporkan aktiviti SUKMANITA yang dijalankan sepanjang sesi 2013/2014. Manakala Bendahari melaporkan kewangan SUKMANITA sepanjang tahun 2013.

Pada tahun ini pemilihan jawatankuasa baru telah dibuat. Keputusan pemilihan adalah seperti berikut:

- a. Setiausaha Kehormat
  - Cik Rohaya Umar
- b. Bendahari Kehormat
  - Puan Wan Khadijah Wan Harun
- c. Penolong Setiausaha Kehormat
  - Puan Syazliza Zulkapli
- d. Penolong Bendahari Kehormat
  - Puan Norliza Abd Halim
- e. Ahli Jawatankuasa
  - Prof. Datin Noor Aziah Mohd Awal
  - Prof. Madya Datin Noraziah Ali
  - Prof Madya Hasnah Ali
  - Puan Maznah Ibrahim
  - Puan Hafdzam Sudin
  - Puan Rosnah Yusof
  - Puan Norihan Bain
  - Cik Nur Fazliana Ramli

### Aktiviti Perpustakaan Kanak-Kanak

Biro Perpustakaan Kanak-Kanak telah mengadakan pertandingan mewarna dan bercerita pada 27 November 2014 di Perpustakaan Ibnu Khaldun, Bangunan Tunas Permata Fakulti Pendidikan. Terdapat tiga kategori pertandingan, iaitu:

- a. Pertandingan mewarna bagi kanak-kanak berumur 3 dan 4 tahun.
- b. Pertandingan mewarna bagi kanak-kanak berumur 5 dan 6 tahun.
- c. Pertandingan bercerita bagi kanak-kanak berumur 8 dan 10 tahun.

Peserta terdiri dari kanak-kanak Tunas Permata UKM dan anak-anak kakitangan UKM. Objektif pertandingan ini adalah untuk mencungkil bakat mewarna dan menghasilkan kreativiti dan kemahiran mewarna di kalangan kanak-kanak. Objektif pertandingan bercerita pula adalah bertujuan untuk menggalakkan kanak-kanak berfikir secara kritis dan kreatif.

Penyampaian hadiah kepada pemenang telah diadakan di akhir acara. Hadiah telah disampaikan oleh Yang DiPertua SUKMANITA, YBhg. Datin Zarina Mahmud.



### Penyampaian Dana Siswi

Biro Tabung Kebajikan dan Pelajaran telah mengadakan majlis penyampaian Dana Siswi sebelum Mesyuarat Agung ke-33 bermula. Cek Dana Siswi ini telah disampaikan oleh Yang DiPertua SUKMANITA, YBhg. Datin Zarina Mahmud. Borang permohonan dana ini telah diedarkan ke kolej kediaman sewaktu pendaftaran pelajar baru. Berikut adalah senarai penerima Dana Siswi tahun 2014:

1. Anidah Amit
2. Fasihah Ali Hassan
3. Felisa Gel Manuel
4. Hasnurul Idayu Che Razali
5. Noor Faizatul Asma Subri
6. Noor Najihah Hakimi
7. Nur Amirah Muzaffar

8. Nur Ardilla Anuar
9. Nur Asyiqin Mohd Zamir
10. Nur Hazwani Junaidi
11. Nur Shamsulina Mohammad Samberi
12. Nur Wahida Ismail
13. Nurshafikah Mohd Nawi
14. Nurul Akmal Ismail
15. Nurul Fatihah Abdul Rahman
16. Nurul Nasyuha Hashim
17. Nurul Zafirah Amran
18. Nurulabidah Yusoff
19. Razni Facira Aisha Muhamad
20. Shazwani Afiqah Shafe'i
21. Shobana Devi Lakshmi Balakrisnan
22. Siti Hajar Abdul Rahman
23. Siti Hawa Alias
24. Siti Nadzirah Mustaffa Kamal
25. Siti Noor Atikah Mohd Yaacob
26. Siti Nur Fatin Farhana Yusof
27. Siti Ramzah Hassan
28. Ummi Rose Azra Mohamad Tajuddin.

### Lawatan Kanak-Kanak

Pada 19 Mac 2015, Biro Perpustakaan Kanak-Kanak telah mengadakan lawatan ke 3D Art Gallery dan Museum Tentera Darat Port Dickson. Lawatan ini telah disertai oleh dua puluh sembilan kanak-kanak dan tujuh orang pegawai pengiring.

### Aktiviti Biro Pendidikan Bersama Mahasiswa UKM

Biro Pendidikan telah menganjurkan dua aktiviti bersama Mahasiswa UKM. Pada 1 Disember 2014 Wacana SUKMANITA telah diadakan di Kompleks Tun Abdullah Salleh. Aktiviti ini dianjurkan bersama pelajar Kursus Pengurusan Masa ZZT 2393/LMCR 2393 dan NGO OrphanCARE, Petaling Jaya. Wacana yang bertajuk "The Baby Hatch Talk" disampaikan oleh Datin Shamsia Mansoor, Founding Committee of OrphanCARE.

Satu lagi aktiviti yang dilaksanakan oleh biro ini adalah demonstrasi produk kitar semula. Aktiviti yang diadakan sempena Hari Green Technology telah dianjurkan dengan kerjasama pelajar Kursus Kemahiran Membuat Keputusan dan Perpustakaan Daerah Hulu Langat, Bandar Baru Bangi. Pelajar-pelajar telah membuat demonstrasi membuat barang atau produk kitar semula dari barang terbuang seperti botol plastik, bekas telur, beg plastik dan banyak lagi. Aktiviti ini telah dijalankan pada hari Sabtu, 13 Disember 2014 di Perpustakaan Daerah Hulu Langat, Bandar Baru Bangi. Hampir 86 pelajar terlibat dengan memperkenalkan tiga puluh tiga produk kitar semula.

## Laporan Soal Selidik SUKMANITA

SUKMANITA telah mengedar soal selidik untuk mengetahui aktiviti yang diminati kepada ahli SUKMANITA sepetimana yang dicadangkan dalam Mesyuarat Agung ke-33. Soal selidik telah diedarkan melalui emel dan juga borang bercetak. Hanya 39 orang ahli sahaja yang menjawab soal selidik tersebut. Hasil dari soal selidik adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Analisis Aktiviti Yang Di Minati Ahli SUKMANITA

BIL	AKTIVITI	BILANGAN
1.	Masakan / Kerjatangan	24
2.	Ceramah	28
3.	Sukan	18
4.	Khidmat masyarakat	30
5.	Penulisan	6
6.	Lawatan	30
7.	Penampilan diri	23

Hasil Soal Selidik 2015

Terdapat juga cadangan aktiviti lain seperti mengadakan kelas membaca al-Qur'an dan kelas Bahasa Arab, senaman aerobik dan tai chi, aktiviti kebajikan, jumble sale dan ceramah kesihatan serta lawatan ke luar negara.

## Solat Sunat Tasbih

Sempena bulan Ramadhan tahun ini, Biro Agama telah mengadakan Solat Sunat Tasbih pada 8 Julai 2015 di Surau Wanita, Fakulti Pengajian Islam. Solat ini telah dipimpin oleh Dr. A'dawiyah Ismail, pensyarah dari Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam. Seramai tiga puluh lima orang kakitangan mengikuti aktiviti ini. Terdapat permintaan dari ahli untuk diadakan lagi Solat Sunat Tasbih. Biro Agama bercadang untuk mengadakan Solat Sunat Tasbih di ruang solat wanita, Masjid UKM pada masa akan datang bagi memberi peluang kepada lebih ramai kakitangan wanita dan juga pelajar untuk turut berjemaah dalam solat sunat ini.

## Forum SUKMANITA

Biro Agama dan Biro Pendidikan dan ICT telah bekerjasama untuk menganjurkan Forum SUKMANITA pada 5 Ogos 2015. Forum yang bertajuk "Mana satu pilihanku? Antara ibadat, adat dan budaya" telah berjaya menarik hampir lima puluh orang peserta hadir di Bilik Seminar Siswazah 1, Fakulti Pengajian Islam. Ahli panel forum terdiri daripada Prof. Madya Dr. Salasiah Hanin Hamjah, pensyarah Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan dan Dr. Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim,

pensyarah Jabatan Syariah. Manakala Dr. A'dawiyah Ismail sebagai moderator.



## Majlis Hari Raya SUKMANITA

SUKMANITA telah mengadakan majlis hari raya pada 5 Ogos 2015 selepas forum yang dianjurkan oleh Biro Agama. Naib Canselor, YBhg. Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali dan isteri Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat UKM, YBhg. Prof. Dr. Ruzy Suliza Hashim telah turut hadir di majlis tersebut.



## Demo Masakan Sihat oleh Chef Selebriti

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah menjemput SUKMANITA untuk menjadi penganjur bersama bagi salah satu aktiviti Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2015. Aktiviti tersebut adalah demo masakan oleh Chef Hanieliza Kamarudin. Aktiviti ini telah diadakan pada 9 September 2015 di Dataran Perpustakaan Tun Seri Lanang. Chef Hanieliza telah memasak tiga jenis resepi iaitu nasi oren, ayam lada hitam dan salad buah-buahan. Chef telah menjemput tiga orang penonton untuk memasak bersama beliau. Setelah selesai demo masakan, para penonton telah diberi makan masakan tersebut. Di samping itu Syarikat PTS Media Group telah mengadakan jualan buku termasuk buku masakan chef seperti 1 hari 1 resepi 365 resepi istimewa dan 500 kompilasi resepi Chef Hanieliza.

## Pakej Korban di Kemboja

SUKMANITA dan Perpustakaan Tun Seri Lanang bercadang untuk mengadakan Pakej Korban di Kemboja pada 25 hingga 28 September 2015. Oleh kerana tiada

...bersambung dari muka 23

sambutan untuk mengikuti pakej ini, maka pakej ini terpaksa dibatalkan. Walau bagaimanapun penyertaan korban di Kemboja masih diteruskan. Jumlah penyertaan korban yang terkumpul adalah sebanyak 33 bahagian. Wang penyertaan sebanyak RM11,970 telah diserahkan kepada pihak HALUAN, wakil yang bertanggungjawab untuk menguruskan ibadah korban di Kemboja.

### Ahli Baru SUKMANITA

1. Datin Zarina Mahmud (502)
2. Cik Nurulhuda Mohd Razeef (503)
  - Perpustakaan Tun Seri Lanang
3. Puan Rusiah Husin (504)
  - Perpustakaan Tun Seri Lanang
4. Cik Noor Atika Abas (505)
  - Perpustakaan Tun Seri Lanang
5. Cik Athirah Omar (506)
  - Perpustakaan Tun Seri Lanang
6. Cik Anis Rohaiza Rosli (508)
  - Perpustakaan Tun Seri Lanang
7. Puan Maslia Manshor (509)
  - Perpustakaan Tun Seri Lanang
8. Puan Fatin Hazwani Siran (510)
  - Pusat Citra Universiti (Citra UKM)
9. Puan Rahayu Ramlan (511)
  - Fakulti Pengajian Islam
10. Puan Sharifah Salleh (512)
  - Fakulti Pengajian Islam
11. Puan Siti Rohani Mohamad (513)
  - Pusat Citra Universiti (Citra UKM)
12. Puan Lela Manja Rohaizat (514)
  - Fakulti Pengajian Islam.

### GALERI



### KEDAI SUKMANITA

MENJUAL PELBAGAI JENIS BARANGAN BARU DAN TERPAKAI DENGAN HARGA MURAH.

#### LOKASI

ARAS 5 BANGUNAN PUSANIKU UKM  
WAKTU URUSNIAGA

SETIAP HARI JUMAAT JAM 10.00PAGI HINGGA 2.00  
PETANG.

SEMUA WARGA UKM DIALU-ALUKAN UNTUK  
MENGUNJUNGI KEDAI SUKMANITA.

'MEMBELI SAMBIL MENDERMA'